

KPTNS KE-40



KARYA
★ PILIHAN TAHUNAN NEGERI SABAH ★
KE-40

★ KPTNS ★



MAJLIS
PERASMIAN PAMERAN
DAN PENYAMPAIAN HADIAH KPTNS KE-40

sempena


SAMBUTAN ULANG TAHUN
KELAHIRAN RASMI YANG KE-75
TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
TAHUN 2026

KPTNS

MAJLIS
PERASMIAN PAMERAN
DAN PENYAMPAIAN HADIAH KPTNS KE-40

sempena

SAMBUTAN ULANG TAHUN
KELAHIRAN RASMI YANG KE-75
TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
TAHUN 2026



17 APRIL 2026
(JUMAAT)

7.00 MALAM

SIPADAN HALL I, LEVEL 4,
SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE
(SICC)

Isi

KANDUNGAN

06 Latar Belakang

08 **Gambar Tuan Yang Terutama
Yang di-Pertua Negeri Sabah**
Tun Datuk Seri Panglima
(Dr.) Musa bin Haji Aman

**Gambar Yang Amat Berbahagia
Toh Puan**
Datin Seri Panglima Datuk
Hajah Faridah binti Haji Tussin

10 Perutusan

14 Aturcara

16 Tema & Objektif

17 Nilai Hadiah

18 Data Penyertaan

19 Panel Pengadil
Peringkat Negeri

20 Komen Pengadil

33 Penghargaan Khas
**Penyertaan Pelajar
Sekolah Teramai**

36 Penghargaan Khas
Guru Inspirasi

41 Anugerah
**Tokoh Seni Visual
Negeri Sabah**

45 **Karya Pilihan Utama
dan Karya Pilihan**
Peringkat Negeri

70 Sesi Pengadilan
Peringkat Bahagian

72 **Karya Pilihan**
Peringkat Bahagian

80 Ahli Jawatankuasa

82 Sanjungan Budi

Satar BELAKANG

Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah merupakan aktiviti pengembaraan seni visual tahunan anjuran Balai Seni Lukis Sabah yang dipengerusikan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah di bawah naungan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.



Aktiviti tahunan ini melibatkan penyertaan dari para pelukis, pengukir, pencetak, pengarca, perekabentuk, pengkraf dan sebagainya bagi menghasilkan karya-karya bermutu tinggi untuk dipilih, dipamer dan dikumpul sebagai koleksi dan khazanah Balai Seni Lukis Sabah dan Negeri.



KPTNS 1985



KPTNS 2005

Aktiviti ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penglibatan para artis bagi meningkatkan kuantiti dan kualiti karya seni visual tempatan di samping memupuk kepekaan masyarakat tempatan terhadap jurusan ini.



Aktiviti yang telah dimulakan sejak tahun 1985 dalam bentuk pertandingan seni lukis biasa ini telah menjalani proses evolusi yang menggalakkan dari segi konsep, skop, pendekatan dan sistem pelaksanaannya hinggalah membawa ke bentuknya pada hari ini. KPTNS dikendalikan pada setiap tahun sempena Perayaan Hari Jadi Rasmi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.



TUAN YANG TERUTAMA
TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR.) MUSA BIN HAJI AMAN
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., S.P.M.B., D.G.S.M.,D.A., P.G.D.K.,J.M.N., J.P.



YANG AMAT BERBAHAGIA
TOH PUAN DATIN SERI PANGLIMA
DATUK HAJAH FARIDAH BINTI HAJI TUSSIN
P.G.D.K.

Perutusan



**YANG AMAT BERHORMAT
DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJJI
BIN HAJI NOOR**
Ketua Menteri Sabah

Syabas kepada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Balai Seni Lukis Sabah atas usaha menjayakan penganjuran Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) Ke-40 yang diselaraskan bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Sabah adalah sebuah kanvas besar yang dikurniakan dengan kepelbagaian budaya, keindahan alam, dan keharmonian rakyat yang tiada galang gantinya. Seni visual bukan sekadar goresan warna di atas kanvas, malahan ia adalah cermin yang memantulkan jati diri dan naratif perjuangan bangsa. Melalui pameran ini, kita dapat melihat bagaimana warisan tradisi diadun bersama kreativiti moden, membuktikan bahawa seni kita sentiasa dinamik dan tidak sesekali ditelan zaman.

Program ini merupakan platform krusial bukan sahaja untuk mengetengahkan bakat-bakat besar, malah sebagai jambatan yang menghubungkan karya anak watan kita ke persada nasional dan antarabangsa. Kita mahu melihat ekosistem seni visual ini terus subur, kompetitif, dan mampu menjadi aset ekonomi yang menyumbang kepada kemakmuran negeri. Di bawah Hala Tuju Sabah Maju Jaya, Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius pembangunan industri kreatif sebagai salah satu tunjang pembangunan modal insan yang progresif.

Tahniah kepada semua penerima anugerah dan pengkarya. Teruslah berkarya kerana setiap karya anda adalah khazanah berharga yang memperkayakan dokumentasi sejarah dan budaya Sabah.

“Dirgahayu Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.”



**YANG BERHORMAT
DATUK HAJI NIZAM
BIN DSP HAJI ABU BAKAR TITINGAN**
Menteri Pembangunan Belia, Kemajuan Sukan dan
Ekonomi Kreatif Sabah
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan
Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75 Tuan Yang di-Pertua
Negeri Sabah Tahun 2026

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Malaysia Madani dan Salam Sabah Maju Jaya.

Menjunjung kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat ulang tahun kelahiran kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman atas ulang tahun kelahiran yang ke-75 tahun. Saya sangat berbesar hati kerana pada tahun ini telah dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Induk Penganjur Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Empat Dekad Melakar Cinta, Mengukir Identiti

Genap empat puluh tahun yang lalu, sebuah usaha murni dimulakan untuk mengangkat martabat seni visual di negeri di bawah bayu ini. Hari ini, kita berdiri menyaksikan Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) Ke-40 sebagai sebuah manifestasi keunggulan bakat dan jiwa anak watan yang tidak pernah luntur ditelan zaman. Pencapaian Jubli Delima ini adalah bukti ketahanan dan kematangan ekosistem seni kita.

Evolusi Kreativiti Yang Matang

Sepanjang empat dekad ini, KPTNS telah menjadi saksi kepada tranformasi gaya, media, dan pemikiran para seniman kita. Daripada sapuan berus tradisional yang merakam keindahan alam semulajadi, hinggalah kepada eksperimentasi seni kontemporari yang mencabar minda, seni Sabah kini telah mencapai tahap kualiti yang mampu bersaing di persada antarabangsa. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada Balai Seni Lukis Sabah dan para seniman yang telah menjayakan edisi bersejarah ini. Kepada para pemenang dan peserta, jadikan platform ini sebagai batu loncatan untuk terus berkarya dengan lebih cemerlang. Semoga seni visual Sabah terus bersinar dan menjadi kebanggaan kita semua.

“Dirgahayu Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.”



YANG BERHORMAT
DATUK JAFRY BIN ARIFFIN
Menteri
Pelancongan, Kebudayaan
dan Alam Sekitar Sabah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sabah Maju Jaya dan Salam Malaysia Madani.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat meraikan majlis ini untuk kali yang ke-40 tahun. Penganjuran pada kali ini amat bermakna kerana KPTNS merupakan salah satu pengisian utama bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Ke-75 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Seni Sebagai Pemangkin Pelancongan Budaya

Sebagai Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, saya melihat KPTNS bukan sekadar pertandingan, malah ia adalah aset pelancongan budaya yang bernilai tinggi. Karya-karya yang dipamerkan ini merupakan jendela bagi pelancong luar untuk mengenali jiwa, aspirasi, dan keindahan budaya serta alam semula jadi Sabah melalui mata anak tempatan.

Kementerian akan terus berusaha menjadikan program seni seperti ini sebagai destinasi wajib kunjung bagi pelancong domestik mahupun antarabangsa. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan industri seni kreatif negeri dan meletakkan Sabah dalam peta destinasi pelancongan seni (*art tourism*) yang disegani di peringkat global.

Merakyatkan Seni Visual

Saya selaku ketua nakhoda akan terus melipatgandakan usaha untuk merakyatkan program seni visual, khususnya bagi menggilap potensi generasi muda. Harapan saya adalah agar usaha memartabatkan seni visual ini diteruskan secara konsisten supaya bakat pengkarya tempatan kita terus mekar sehingga mampu berdiri sama tinggi dengan pengkarya antarabangsa di persada dunia pada masa hadapan.

Akhir kata, tahniah kepada semua peserta dan pemenang. Teruskan berkarya demi kelestarian budaya dan kemajuan industri seni Sabah.

"Dirgahayu Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah."



YANG BERUSAHA
MACKEY APISON
Pengurus Besar
Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Salam Sejahtera dan Salam Sabah Maju Jaya.

Di kesempatan ini saya ingin menitipkan ucapan selamat ulang tahun kelahiran kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman atas ulang tahun kelahiran yang Ke-75 tahun.

Empat Dekad Kecemerlangan Balai Seni Lukis Sabah (BSLS)

Sebagai badan yang memayungi institusi kebudayaan di negeri ini, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) amat berbangga dengan konsistensi yang ditunjukkan oleh Balai Seni Lukis Sabah dalam memartabatkan seni visual. Tempoh empat puluh tahun penganjuran KPTNS bukanlah satu jangka masa yang singkat; ia adalah bukti dedikasi BSLS sebagai penggerak utama yang memastikan ekosistem seni visual di Sabah terus berkembang dan kekal relevan.

Melestarikan Industri Seni Visual Sabah

Penganjuran KPTNS secara berterusan merupakan salah satu agenda penting dalam usaha kita melestarikan industri seni di negeri ini. Melalui platform ini, kita bukan sahaja mendokumentasikan pencapaian seniman sedia ada, malah kita sedang membina jambatan warisan bagi memastikan industri ini terus mampan dan berdaya saing.

Justeru, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah melalui Balai Seni Lukis Sabah akan terus komited dalam memperkukuh ekosistem kreatif agar seni bukan sekadar hobi, malahan menjadi aset ekonomi dan budaya yang mampu menyumbang kepada pembangunan jati diri bangsa.

Semoga usaha murni ini menjadi persembahan yang bermakna buat Tuan Yang Terutama Tun, sekaligus memacu Sabah sebagai pusat kecemerlangan seni yang dinamik.

"Dirgahayu Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah."

Agenda

17 APRIL 2026 (JUMAAT) • 7.00 MALAM
SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC)



MASA	ACARA
7.00 malam	Ketibaan Dif-dif Undangan
7.15 malam	Ketibaan Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan
7.20 malam	Ketibaan Setiausaha Tetap-setiausaha tetap Kementerian
7.25 malam	Ketibaan Yang Berhormat Pembantu-pembantu Menteri dan isteri
7.30 malam	Ketibaan Yang Berbahagia Datuk Mohd Razali bin Wahab Setiausaha Persekutuan Sabah dan Yang Berbahagia Datin Dr. Khairiah binti Abdullah
7.35 malam	Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Sr. Haji Safar bin Untong, <i>JP</i> Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Dr. Hajah Nuinda binti Haji Alias
7.40 malam	Ketibaan Yang Berhormat Datuk Jafry bin Ariffin Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar serta Yang Berbahagia Datin Halida binti Bahad
	Ketibaan Yang Berhormat Datuk Haji Nizam bin Datuk Seri Panglima Haji Abu Bakar Titingan, Menteri Pembangunan Belia, Kemajuan Sukan dan Ekonomi Kreatif selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-75 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Berbahagia Datin Hajah Wahida Mardiana binti Norsalim
	Ketibaan Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet Negeri Sabah dan isteri/suami
7.45 malam	Ketibaan Yang Berhormat Timbalan-timbalan Ketua Menteri dan isteri
7.50 malam	Ketibaan Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Kadzim Haji M. Yahya, <i>JP</i> Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah dan Yang Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Norani binti Haji Salleh
7.55 malam	Ketibaan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor Ketua Menteri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Julia Salag

MASA	ACARA
8.00 malam	Keberangkatan Tiba Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman, Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin
	Perasmian Pameran
	Sesi Bergambar
	Lawatan ke Galeri Pameran
	Lagu Negaraku dan Lagu Sabah Tanah Airku dimainkan
	Tayangan Video Khas (4 Dekad Legasi BSLS)
	Majlis Makan Malam dan Persembahan
	Tayangan Video Penilaian Peringkat Bahagian dan Negeri
	Majlis Penyampaian Hadiah Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) Ke-40: ◆ Penghargaan Khas Penyertaan Pelajar Sekolah Teramai ◆ Penghargaan Khas Guru Inspirasi ◆ Karya Pilihan Kategori A (7 - 12 Tahun) ◆ Karya Pilihan Kategori B (13 - 17 tahun) ◆ Karya Pilihan Kategori C (Terbuka) ◆ Karya Pilihan Utama Kategori B (13 - 17 tahun) ◆ Karya Pilihan Utama Kategori C (Terbuka) ◆ Anugerah Khas Tokoh Seni Visual Negeri Sabah
	Penyampaian Cenderakenangan
	Sesi Bergambar
10.30 malam	Lafaz Perasmian Penutupan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman Yang di-Pertua Negeri Sabah
	Lagu Negaraku dan Lagu Sabah Tanah Airku dimainkan
	Keberangkatan Balik Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Musa bin Haji Aman, Yang di-Pertua Negeri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin diiringi oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, Ketua Menteri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah Julia Salag serta dif-dif kehormat yang lain
10.30 malam	Majlis dijangka selesai

Tema

Kategori A & B	Kategori C
BUDAYA DI DAERAH SAYA	CERITA RAKYAT SABAH

Objektif

Menggalak artis-artis tempatan peka kepada perkembangan pembangunan Sabah
Memberi peluang kepada artis-artis tempatan membuat kajian sebelum menghasilkan karya
Melahirkan pengkarya-pengkarya seni visual yang berpengalaman

Nilai Hadiah

PERINGKAT BAHAGIAN

Pantai Barat Selatan
Pantai Barat Utara
Pedalaman Atas

Pedalaman Bawah
Sandakan
Tawau

Kategori A (7 - 12 tahun)
Kategori B (13 - 17 tahun)
Kategori C (Terbuka)


RM87,000

+

PERINGKAT NEGERI

Karya Pilihan
Karya Pilihan Utama

RM52,000




=

RM139,000

JUMLAH KESELURUHAN

Data PENYERTAAN



PESERTA 943
KARYA 977

KARYA PILIHAN PERINGKAT BAHAGIAN

Kategori/ Bahagian	PBS	PBU	PA	PB	SDKN	TWU	JUMLAH
A (7-12 tahun)	5	6	6	3	5	5	31
B (13-17 tahun)	3	8	4	5	4	5	29
C (Terbuka)	5	4	4	2	4	2	21
JUMLAH	13	18	15	10	13	12	81

Panel PENGADIL



PENGADIL PERINGKAT NEGERI

Bayu Utomo Radjikin, Jennifer P. Linggi, Sara Elisya Ahmad Shah,
Awang Damit Ahmad, Christianne Goonting

Komen PENGADIL

AWANG DAMIT AHMAD

40 TAHUN KPTNS... satu SEJARAH unggul penganjuran, persaingan, pemilihan, dan pertandingan atau apapun istilah dan sebutan yang berkaitan dengan pembangunan seni lukis Sabah merupakan satu lingkungan masa yang begitu panjang dan lama. Satu bukti yang cukup signifikan dalam kerangka dan usaha untuk melihat kemajuan, perkembangan dan pencapaian seni lukis Sabah.



Dalam jangkamasa yang begitu panjang BSLS telah melahirkan deretan pelukis ternama negeri dan negara serta menghimpun ribuan karya yang cukup matang dan bermakna dalam “perolehan” melalui sebuah “landasan” yang cukup unik. Satu gambaran kegigihan dan kesungguhan sebuah institusi Seni Lukis di negeri ini dalam melihat dan memastikan kelangsungan aktiviti seni lukis Sabah terus maju dan berkembang sejajar dengan usianya.

KPTNS, dalam sejarah penganjurannya telah meneroka pelbagai tema: dari lanskap Sabah, budaya, sosial malahan ke politik tempatan. Sudah sampai masanya kita meneroka dunia baru, menerobosi sampadan daerah, negeri, negara, dan ke dunia antarabangsa sezaman. Pelukis Sabah sudah cukup dewasa, bersedia dan matang dalam menangani cabaran dunia seni lukis mendatang sepertimana yang telah dibuktikan dan ditunjukkan oleh Kumpulan PANGROK SULAP. Ruang dan landasan masih terlalu luas untuk pelukis-pelukis Sabah mengharungi cabaran dan bersaing dalam pentas terbuka dengan penuh keyakinan dan wibawa. Begitu juga kepada BSLS harus mempunyai cita-cita besar dan iktizam untuk membawa Seni Lukis Sabah sehingga ke peringkat antarabangsa.

Dalam usaha untuk memertabatkan Seni Lukis Sabah, BSLS bukan sahaja telah membuktikan kejayaan dalam penganjuran **KARYA PILIHAN TAHUNAN NEGERI SABAH selama 40 tahun**, tetapi lelah memulakan inisiatif dan langkah baru dalam proses pemilihan dan penilaian karya-karya koleksi yang berjumlah ribuan banyaknya. Ini merupakan satu pengumpulan harta warisan dan khazanah budaya yang wajar mendapat perhatian sepenuhnya sebagai bahan dokumentasi, rujukan dan “kuratorship” Seni Lukis Sabah yang boleh dibanggakan untuk generasi akan datang. Menyorot kembali kepada KPTNS 40, kita

dapat menyaksikan bukan sahaja karya-karya berdasarkan pilihan tema (budaya, sejarah, mitos dan legenda) tetapi juga dapat melihat karya-karya baru yang penuh imaginatif dan berkemahiran tinggi. Terdapat juga cubaan menggunakan bahan-bahan *non-conventional* seperti digital dan animasi digital. Walaubagaimanapun jumlahnya masih terlalu sedikit dan terbatas. Penggunaan bahan dan teknik konvensional masih mendominasi sebahagian besar jumlah penyertaan. Walaubagaimanapun seperti tahun tahun terdahulu, kualiti persembahan secara keseluruhan masih menjadi persoalan. Adalah diharapkan dengan adanya perubahan kategori dan perubahan tema dapat membuka ruang seluasnya kepada pelukis-pelukis Sabah meneroka potensi kreatif mereka.



Menyorot kepada pemilihan KPTNS ke 40, 2025 ini, sejumlah 977 buah karya dari 943 pelukis dari 6 bahagian telah diterima. Mengikut pecahan berdasarkan bahagian dan dari semua kategori, Pantai Barat Selatan menghantar 96 karya (93 peserta), Pedalaman Atas 105 karya (107 peserta), Pedalaman Bawah 62 karya (58 peserta), Sandakan 55 karya (53 peserta), Tawau 93 (87 peserta). Jumlah penyertaan terbesar adalah Pantai Barat Utara sebanyak 566 karya dari 545 peserta. Adalah difahamkan jumlah terbesar ini datangnya dari Kota Marudu dan Kota Belud. Syabas.

Pada pemilihan kali ini didapati tidak ada penyertaan dari pemenang pemenang yang lepas. Mungkinkah ini disebabkan perubahan kategori atau pelukis-pelukis memilih untuk berehat seketika sambil mencari ilham dan memikirkan pendekatan baru dimasa akan datang. Kehadiran muka-muka baru terutamanya dari institusi seni dan sekolah seni menjadikan karya pilihan tahun ini lebih terbuka. Potensi baru sangat diharapkan.

Pada pemerhatian hakim terdapat kepelbagaian idea baru, perubahan teknik dan bahan diutarakan selaras dengan pengarapan tema. Usaha para peserta dalam menggali dan menyatakan tema perlu mendapat pujian.

Setelah melalui proses penelitian dan pemilihan para hakim telah memutuskan:

- **Tidak ada utama untuk Kategori A.** 10 peserta karya terdiri: 2 (Pantai Barat Selatan, 3 (Pantai Barat Utara), 1 (Pedalaman Atas), 1 (Pedalaman Bawah), dan 3 (Sandakan).
- **1 utama untuk Kategori B** (Pedalaman Atas) dan 8 karya pilihan: 2 (Pedalaman Atas), 2 (Sandakan), 2 (Pedalaman Bawah), 1 (Pantai Barat Selatan), dan 1 (Tawau).
- **2 utama untuk Kategiri C** :1 (Pantai Barat Utara) dan 1 (Pedalaman Atas). Dan 8 karya pilihan: 1 (Pantai Barat Utara), 1 (Pedalaman Atas), 3 (Pantai Barat Selatan), 1 (Pedalaman Bawah), 1 (Sandakan) dan 1 (Tawau)

Sedikit analisa karya-karya pilihan:

Kategori A: Tidak banyak perubahan dalam pendekatan berkarya seperti latarbelakang yang rata, kedudukan figura-figura yang memenuhi ruang ,tipikal komposisi yang digunakan oleh pelukis-pelukis dalam lingkungan usia seawal 7 hingga 12 tahun. Walaubagaimanapun terdapat juga usaha untuk menghasilkan unsur perspektif terutamanya dalam karya berlatarbelakangkan lanskap.



Kategori B: Merujuk kepada **karya pilihan utama** kategori B bertajuk “The Hands That Feed” oleh Nur Nadhirah Binti Shahbudin agak menarik untuk diperkatakan terutamanya dalam keseluruhan komposisi karya. Penggunaan unsur garis condong dan perspektif yang digambarkan melalui talian elektrik dan unsur garis lintang seperti bumbung pondok berwarna merah dilatarbelakangkan putih seolah-olah menyatupadukan keseluruhan imej-imej. Penggunaan warna-warna kontra, terang dan gelap secara bersahaja membuatkan karya ini lebih menyerlah. Adalah diharapkan lebih banyak karya-karya seperti ini akan muncul dimasa-masa akan datang.



Kategori C: Berdasarkan pernyataan dan kematangan pengolahan karya ternyata pelukis-pelukis telah berusaha sebaik mungkin untuk menghasilkan yang terbaik sejajar dengan tema yang dikehendaki. Dalam kategori ini jelas membuktikan bahawa pelukis-pelukis mampu meneroka idea-idea yang mencabar dalam pentas terbuka Seni Lukis Sabah. Persoalan tentang persembahan keseluruhan seperti penggunaan bahan dan teknik serta kemahiran tidak lagi menjadi pertikaian yang rumit. Dalam kategori ini para hakim memutuskan untuk memilih 2 (dua) orang pelukis sebagai Pilihan Utama iaitu: Jacyntia Janet Jasne dengan karyanya bertajuk Minamasi dan Evinossa dengan karya bertajuk Cracked Promise.

Adalah diharapkan pelukis-pelukis Sabah akan terus berkarya dan memacu kehadiran dengan semangat dan halatuju baru sejajar dengan perkembangan Seni Lukis sezaman.

SARA ELISYA AHMAD SHAH

Evolusi Empat Dekad: KPTNS Ke-40

Pertandingan Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) berdiri teguh sebagai mercu tanda seni visual paling berprestij di bawah naungan Balai Seni Lukis Sabah. Edisi ke-40 ini bukan sekadar sebuah pertandingan rutin, malahan merupakan manifestasi kepada evolusi dan kematangan naratif seni yang telah berakar umbi sejak mula diperkenalkan pada tahun 1985.



Sepanjang empat dekad penganjurannya, program ini telah bertransformasi daripada sebuah platform dokumentasi estetika tempatan kepada medan eksperimentasi kontemporari yang dinamik. Ia mencerminkan daya tahan seniman Sabah dalam mengimbangi pemeliharaan warisan tradisi dengan tuntutan inovasi global, sekali gus mengukuhkan kedudukan KPTNS sebagai wadah utama yang melahirkan legasi seni tampak yang beridentiti dan berwibawa.

Evolusi Naratif: Daripada Visual kepada Jiwa

Pengadil melihat perubahan besar di mana pengkarya tidak lagi hanya meminjam motif budaya (seperti corak linangkit atau saung) sebagai hiasan semata-mata, tetapi sebagai instrumen penceritaan.

Penceritaan Legasi: Karya-karya pilihan menunjukkan usaha artis untuk menggali sejarah lisan dan mitologi suku kaum di Sabah (seperti kisah Huminodun atau legenda tempatan) dan menterjemahkannya ke dalam bentuk visual yang kontemporari.



Kekuatan: Peserta tidak lagi sekadar melukis pemandangan fizikal (Gunung Kinabalu atau suasana di pasar), tetapi mula menyentuh isu sosio-budaya, warisan yang kian hilang, dan hubungan manusia dengan alam.

Memasuki usia 4 dekad, KPTNS tidak boleh lagi sekadar menjadi "juara setempat," tetapi harus berani memposisikan diri sebagai pemain utama dalam peta seni visual Asia Tenggara (Nusantara) dan global.

Membawa KPTNS ke peringkat seterusnya memerlukan anjakan paradigma daripada

sekadar pertandingan tahunan kepada sebuah ekosistem seni yang mampan. Dengan sokongan teknologi dan strategi pemasaran yang agresif, karya anak Sabah mempunyai potensi besar untuk menjadi komoditi budaya yang bernilai tinggi di peringkat serantau.



BAYU UTOMO RADJIKIN

Kategori A

Kategori ini sangat menarik dimana kanak-kanak berusia 7-12 tahun dapat menghasilkan karya dengan minda yang kreatif. Karya-karya ini mencerminkan kepekaan kanak-kanak terhadap persekitaran mereka dengan pemilihan objek-objek yang mereka kenali dari pengamatan seharian dan cerita-cerita leluhur jelas kelihatan sebagai subjek pada karya mereka. Penggambaran masyarakat setempat seperti kemesraan suasana hubungan sosial di majlis keramaian di kampung mereka sering menjadi subjek yang dipaparkan didalam karya. Tiada pemenang hadiah utama untuk kategori ini.



Kategori B

Keseluruhan karya didalam kategori ini menampilkan penggarapan teknik lukisan yang baik. Dengan tema yang diberikan mereka dapat menterjemahkannya dengan sudut pandang yang berbeza.

Karya 'The Hand That Feed' oleh Nur Nadhirah telah terpilih menjadi **karya pilihan utama** pada kategori ini. karya Nur Nadhirah telah menunjuk sebuah kematangan dimana pengolahan dan elemen sebuah lukisan terpenuhi. Kompisi yang tersusun dengan perbezaan latar mengimbangi keseluruhan karya. Penggunaan campuran warna *secondary* yang sesuai telah menciptakan sebuah atmosfera redup. Subjek juga mempunyai kadar banding yang sesuai untuk menunjukkan latar yang berbeza manakala ekspresi wajah figura juga sangat membantu membentuk suasana.

Kategori C

Kategori C atau kategori terbuka pada tahun ini menyaksikan 10 buah karya dengan kepelbagaian bentuk dan teknik yang berbeza dengan gaya seni fabrik, instalasi dan multi media dengan pendekatan seni naif, realisma, pop dan abstrak.

Kategori ini menyaksikan 2 buah karya telah mendapat anugerah **karya pilihan Utama**, ‘Cracked Promise’ oleh Evinossa dan ‘Minimasi’ karya Jacyntia Janet Jasne.

‘Cracked Promise’ oleh Evinossa adalah sebuah karya yang menampilkan penggunaan bahan (arang) dengan sangat baik. Pemahaman beliau terhadap bahan tersebut adalah sangat terlatih dalam membantu menciptakan sebuah penceritaan yang jelas dan tepat dalam karya ini. Beliau juga dapat mengolah kesan dan tekstur yang pelbagai daripada bahan yang sama.

Komposisi karya ini sangat dominan dimana perletakan objek dilatar belakang dan latar depan telah disentralkan. Manakala subjek utama pada karya ini adalah figura dengan olahan pada ekspresi wajah yang menerbitkan unsur kesedihan di latari pula oleh imej gunung Kinabalu yang megah. Warna arang yang kelabu dengan rona warna hitam dan putih berhasil menciptakan sebuah suasana melankolia bertepatan dengan ceritera yang ingin disampaikan.



Berbeza pula dengan karya ‘Minimasi’ karya Jacyntia Janet Jasne.

Karya ini menarik kerana penggunaan kertas warna sebagai bahantara. Campuran warna-warna dari pilihan kertas tersebut berupaya membangkitkan sebuah paduan warna yang kukuh dan segar. Warna-warna yang terhasil sangat mendominasi setiap ruang karya dan secara tidak langsung mengalirkan sebuah tenaga yang sentiasa bergerak menyusuri dipermukaan kanvas. Getaran warna juga membantu lintuk objek-objek dan kelihatan bergerak. Olahan abstrak dari warna-warna ini terjalin baik walaupun kontras dan berhasil menjadikan karya ini cemerlang.



JENNIFER P. LINGGI

Kategori A (7 - 12 tahun)

Daripada sepuluh karya yang terpilih di peringkat Negeri, amat menggemirakan untuk melihat penyertaan pelajar dari pelbagai kawasan di Sabah, antaranya dari St Joseph Papar, SJK Khoi Ming Kota Marudu, SJK Chi Hwa Sandakan, SJK Shan Tao Kota Kinabalu dan SK Sayap Kota Belud. Kepelbagaian ini mencerminkan latar pengalaman serta pandangan yang berbeza daripada pelajar di seluruh negeri.

Selain tema yang lazim seperti sambutan kebudayaan dan corak hiasan, beberapa karya turut mengetengahkan aktiviti sosial dan kehidupan seharian masyarakat. Antaranya termasuk suasana perayaan Ghost Festival, aktiviti membersihkan kawasan perkuburan secara bergotong-royong, gotong-royong sempena Kaamatan, serta adegan sarapan pagi yang sederhana di sebuah kedai kopi tempatan. Terdapat juga karya yang memaparkan pemerhatian yang lucu, iaitu seorang pengantin perempuan mengambil swafoto sementara pengantin lelaki menunggu pada hari perkahwinan mereka.

Adalah amat menyenangkan untuk melihat tahap pemerhatian yang begitu teliti dalam kalangan murid sekolah rendah. Karya-karya ini memperlihatkan kejujuran dan spontaniti melalui gaya yang naif, tanpa terikat kepada pendekatan yang terlalu berformula. Keaslian dan imaginasi ini menjadikan karya-karya tersebut hidup, menarik dan mencerminkan pandangan tulen para pelajar terhadap persekitaran mereka.

Kategori B (13 - 17 tahun)

Salah satu karya yang menonjol ialah hasil oleh Nur Nadhirah bertajuk ‘The Hand That Feed’, yang telah dipilih sebagai penerima anugerah khas Karya Utama. Karya separa abstrak ini berjaya menyentuh emosi penonton melalui gambaran perjuangan mereka yang bekerja keras untuk menyediakan rezeki dan menyara kehidupan.

Dari segi penggunaan media, para peserta menunjukkan kepelbagaian pendekatan, antaranya media campuran, cetakan digital, akrilik atas papan, cat air, penanda akrilik, serta penggunaan bahan seperti manik dan benang. Eksplorasi ini memperlihatkan keberanian pelajar dalam mencuba pelbagai teknik dan bahan.

Banyak karya mengangkat tema keluarga dan komuniti, seperti “Cuti Sekolah Menanam Padi”, “Tarian Pahlawan Teo Chew Sabah”, “Jamuan Keluarga Saya di Hari Pertama (Chinese New Year)” dan “Budaya di Masa Banjir”. Secara keseluruhannya, karya-karya dalam kategori ini tampak segar namun lebih terarah dalam pengolahan, mencerminkan tahap kematangan yang semakin berkembang dalam kalangan para peserta.

Kategori C (Terbuka)

Tahap karya dalam kategori ini pada tahun ini amat tinggi, menjadikan keputusan juri agak mencabar. Dua karya menonjol dan telah dipilih untuk menerima Anugerah Khas, iaitu “Cracked Promise” oleh Evinossa dari Kota Marudu dan “Minamasi” oleh Jacyntia dari Sook, Keningau.

“Cracked Promise”, karya arang di atas kanvas, merupakan sebuah lukisan yang sangat halus dan puitis yang mengangkat legenda Cina Balu. Sementara itu, “Minamasi” menampilkan kisah penciptaan yang diinspirasi daripada legenda Huminodun, yang dipersembahkan melalui susunan kertas berwarna yang digulung dengan teliti.

Lapan karya lain yang turut terpilih juga mengangkat naratif budaya yang kaya, termasuk kisah Huminodun, ritual tradisi, cerita rakyat serta legenda masyarakat Kadazan-Dusun, Sulu, Bajau dan Murut. Dari segi media, para artis memperlihatkan kepelbagaian pendekatan, antaranya akrilik atas papan, seni tekstil, instalasi dan juga *projection mapping*.

Secara keseluruhannya, tahap karya yang dihasilkan serta penyelidikan yang dilakukan oleh para artis adalah amat membanggakan. Karya-karya ini bukan sahaja memperkayakan koleksi Balai Seni Lukis Sabah, malah menjadi rekod visual yang penting kepada cerita rakyat Sabah.



CHRISTIANNE GOONTING

It is exciting to be invited to be on the team to judge at state level. A new selection of about 81 artworks successfully made it from the initial district level competition to the state level final selection. Congratulations to all the winners in Categories A, B and the Open section .

Category A (7-12 years/Primary School children) with the theme “Budaya di Daerah Saya” showcased 30 vibrant and colorful artworks. The children had different interpretations of culture in their various districts.

****(Please refer to the supporting photos of the artworks in the KPTNS Catalogue as you read on)***

The ideas presented in the artworks ranged from traditional aspects featuring: customs and ethnic dances, festivals, local artifacts and traditional motifs to

common contemporary practices and social norms such as taking selfies, community life/activities, farming tasks and mischievous children at play, to name a few.

These various interpretations indicated deeper thought and consideration in their art making process which is most admirable especially in such a young age group. Some of the facial expressions in the artworks also managed to stir emotions such as happiness, surprise, disgust and anger. This in itself is a very important aspect of a successful painting! Furthermore, each artwork clearly told its own story – charged with energy and conviction!



Most of the artworks were expressed through cartoon type figures, vibrant colours that projected an animated atmosphere of their intended ideas. A point to note is that exposure to various characters (anime) and the seemingly unlimited on-line resources is shaping the drawing/designing styles of our younger generation. This shift is inevitable but hopefully the importance of personal observation and development of their own drawing styles will not be lost!

Majority of the children used acrylic paint on wood or paper and these were well painted/colored showing a good grasp of media use and technique. However, most opted for flat poster like colours as opposed to using various shades and tones to indicate depth, texture and perspective. Drawing skills and the understanding of composition was also appropriate with the ages in this category. Just a few artworks were done using different media collages with relief and textured items such as Perler beads, corrugated cardboard and shrink plastic - an effort that showed an interest to experiment and try new approaches. Although there was no single outstanding artwork to warrant first prize, the artworks were still very exciting and engaging as they communicated the “Culture of their Districts” very effectively.

Category B (13-17 years/Secondary School Students)

with the theme “Budaya di Daerah Saya”

**(Please refer to the supporting photos of the artworks in the KPTNS Catalogue as you read on)*

A total of 29 artworks was presented to be judged at state level. As with Category A, many varying ideas and visuals were appropriately presented based on the theme. The selected artworks were quite captivating, generally well composed and executed successfully using various mediums such as wool, plastic beads and Dalai seeds

Colorful and bright artworks prevailed especially in the pieces that promoted traditional culture, activities, food, and festivals. Some artworks were busy and full of information that successfully depicted the hectic activities synonymous with local festivities, while other artworks drew attention to a single main activity such as, weaving, community cooking, paddy planting or dancing to name a few. These artworks successfully conveyed the intended spirit of merriment and celebration.

There were a few artworks that featured other aspects of common experiences that have become the norm too.

“Budaya Masa Banjir- Beaufort” which was mostly painted in various shades of browns aptly showed the recurrent muddy floods in Beaufort. This regular occurrence is very much a way of life in this town so much so that everyday life activities proceed as “normal” as possible despite the situation. This can be seen by the activity in the shop house and people using boats as “regular” transport in town.

“Social Ritual” is about people coming together regularly in friendship at coffee shops. It shows a man looking out and perhaps waiting for the arrival of his friends. The drawing-painting skills, composition and color choice in this artwork shows maturity and a good understanding of perspective and balance.



“Mall di KK” is about the shopping culture that is very much why people flock to Kota Kinabalu these days. This digital print is created from a “birds eye view” perspective and shows the layout of the shops and busy shoppers within a grid like system has its own semi abstract charm.

The winning entry “The Hands that Feed”, a mixed media artwork presented with a strong composition, good color balance and interesting pop-up bright accent colours - an exceptional and mature piece of artwork for this age group.



Detailed drawing of the main figure was complimented by supporting shapes and silhouettes behind. Dense “heavier” areas on the right were contrasted and balanced with thinner structures on the left and a lighter background. The somber mood portrayed the difficulties of the existing culture of making ends meet for a lot of people. It suggested a life of dedication, sacrifice and hardship and at the same time a sense of acceptance and gratitude.

Congratulations to all Category A and B artists. There is a lot of potential and talent here. This is just the beginning.

Category C - Open with theme “Sabah Folk Tales”

**(Please refer to the supporting photos of the artworks in the KPTNS Catalogue as you read on)*

This theme is very appropriate and taps deep into on one’s creativity and imagination. It is a very good way of “bridging” oral tradition with visuals for a better understanding of Sabah’s identity through its folktales, legends and myths

*Despite this exciting theme, only twenty-one artworks made it to the state judging level where there should have been be 30. This indicates that a majority of the artworks submitted in this category were not up to the expected level as they did not reach the required criteria of this Open Category. This marked **reduction in quality** is a point of concern and perhaps needs to be looked into.*

Based on Sabah Folk Tales, these artworks brought to life the stories and legends normally passed down through the generations by word of mouth. The artworks were filled with imagination as they drew the viewers into the unknown realm of mystery and magic. The artworks that were selected at district level met expectations with a few being quite outstanding, so much so that two artworks shared the top spot.

They were : “Cracked Promise and Minamasi”

“Cracked Promise” is based on one of the legends, “Cina Balu “of how Kinabalu was named. The monochromatic artwork is of a very distressed and devastated young lady carrying a child. She holds a letter which brings the sad news that her Chinese Prince will not return to her as promised. The young child looks at the Camelia, totally innocent and unaware of the sadness that envelopes his mother. The dramatic use of shades of grey indicative of mourning, the strong central focus of the composition and the detailed drawing of her grief-stricken expression and the cracks on her porcelain like skin evokes a sense of sorrow and sadness in the viewer. It really touches one’s heart.

The other painting, “Minimasi” is an exciting take on the folktale of Huminodun using colorful folded paper to create a textured mosaic filled with energy and movement. The mosaic of folded paper strips placed in various directions made the artwork very lively as the paper ridges reflected light while also casting shadows in many directions.

Instead of focusing on the sacrifice and sadness, this contemporary artwork celebrated the fulfilment of the promises made. The emphasis was on the harvest ritual of gratitude to the spirits where the first seven paddy stalks are displayed in the middle of the fields together with a local Jar “tajau” that is filled with the best grain of the first harvest. This main feature was surrounded by swaying foliage and flowers representing the seven crops. This radiant artwork focused on the future of bountiful harvests and happiness filled with new growth and promise of a better future

Although The Tale of Huminodun was a popular choice, there were other artworks in this category that transported the viewer to many more mystical worlds such as Dayang Laut, Suli Suli Daing Limahan, Arob, Tuminio, Tompilolangoi, Sumasangol, Suli Suli Daing Limahan and Momohotong to name a few. These various magical folktales were brought to life using interesting textile collages, good painting techniques, screen panel concepts, pyrography and project mapping too. The use of alternative mediums and techniques is very encouraging as it indicates everchanging possibilities and versatility. Furthermore, each artwork was accompanied by a well written summary on the folktale itself and the artists intention, concept and process .

Congratulations to all artists, facilitators, teachers and organizers. Every future KPTNS event presents a new opportunity for Sabah Artists to share their talent and create what is in their mind’s eye for all to see, experience and appreciate.

Thank you.

Penghargaan KHAS

Setinggi-tinggi penghargaan kepada sekolah-sekolah yang menyertai Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah Ke-40. Ribuan terima kasih kepada **para pelajar, guru, Guru Besar, Pengetua, ibu bapa dan Pegawai Pendidikan Daerah** yang terlibat dan pihak **Jabatan Pendidikan Sabah** atas sokongan dalam menjayakan program ini.



Senarai SEKOLAH

BAHAGIAN PANTAI BARAT UTARA



SMK Kota Marudu
313 pelajar

- SK Sayap / 110
- SK Tagaroh / 48
- SK Pekan / 15
- SJK(c) Khoi Ming / 6
- SK Tandek / 5
- SMK Langkon / 4
- SK Pulau Tigabu / 3
- SK Lok Yuk Sikuati / 3
- SMK Narinang Kota Belud / 2
- SK Randagong Ranau / 1
- SRJK Chung Hwa / 1
- SMK Ranau / 1
- SMK Abdul Rahim / 1

BAHAGIAN TAWAU



SK Taman Tawau
46 pelajar

- Sabah Chinese High School / 16
- SK Kampung Jawa / 4
- SJKC Sin Hwa / 3
- SM St. Patrick Tawau / 3
- SJKC Hing Hwa, Tawau / 2
- MRSM Tun Mustapha / 2
- SMK Kinabutan II / 2
- SK Batu Empat / 1
- SMK Balung / 1
- SM Konven St. Ursula / 1
- SMK Tawau / 1

BAHAGIAN SANDAKAN



SMK Elopura
Sandakan
26 pelajar

- Yu Yuan Secondary School / 4
- SJKC Chi Hwa / 4
- SK Pekan Tongod / 3
- SM Sung Siew / 2
- MRSM Tun Fuad Stephens / 1
- SK St. Monica / 1
- SJKC Yuk Choi / 1
- SJKC Pui Gin / 1

BAHAGIAN PANTAI BARAT SELATAN



Papar Middle School
26 pelajar

- SM Lok Yuk Likas / 5
- SK Kopuron, Telupid / 5
- SJK(C) Lok Yuk Likas / 4
- SMK Putatan / 3
- SJK(C) Shan Tao, Kepyayan / 2
- SK(C) Anglo Chinese KK / 2
- SK Sri Gaya KK / 2
- Young Explorers Academy / 2
- SK Buit Hill Penampang / 2
- SK St. Paul Kolopis, Penampang / 1
- SK St. Peter Kudat / 1
- SK Tanjung Aru I / 1
- SK St. Joseph (M) Papar / 1
- All Saints Anglican Academy KK / 1
- My Art Studio / 1
- SJK(C) St. Joseph Papar / 1
- SRS Datuk Simon Fung / 1
- SK Petagas / 1
- SK Api Api KK / 1
- SR Islam Tahfiz Annur / 1
- SJK(C) St. James KK / 1
- SRK St. Angles KK / 1
- SK Kolombong Menggatal / 1
- SM All Saints KK / 1
- Kota Kinabalu High School / 1
- SM Tshung Tsin KK / 1
- SMKA Tun Datu
- Mustapha Papar / 1

BAHAGIAN PEDALAMAN ATAS



SMK St. Francis
Xavier, Keningau
24 pelajar

- SK Sunsuran, Tambunan / 14
- SK Kiawayan, Tambunan / 13
- SMK Gunsanad, Keningau / 9
- SK Tuarid Taud, Keningau / 8
- SMK Gunsanad II / 5
- SMK Entabuan / 5
- SMK Nambayan, Tambunan / 3
- SMK Keningau / 2
- SMK Tenom / 1
- Pusat Tingkatan Enam, SMK Tambunan / 1
- SMK Tambunan / 1
- SMK Agama Keningau / 1
- SM Ken Hwa Keningau / 1
- SMK Apin Apin Keningau / 1
- SK. Kuala Salong,
- Pensiangan Nabawan / 1
- SK Pengalat, Tenom / 1

BAHAGIAN PEDALAMAN BAWAH



SM St. Paul Beaufort
14 pelajar

- SMK Beaufort II / 8
- SMK Pengiran Omar Sipitang / 6
- SK Klias Baru / 5
- SMK Beaufort III / 3
- SMK Kota Klias / 2
- SK Menumpang Kuala Penyu / 2
- SMK St. John Beaufort / 1
- SM St. Patrick Membakut / 1
- SMK Pekan Kuala Penyu / 1
- SMK Beaufort / 1



Guru INSPIRASI

HAMREE MURAH
SMK Elopura Sandakan

Cikgu Hamree Murah dilahirkan pada 24 November 1972 di ladang kelapa sawit pertama di Negeri Sabah iaitu Pamol Estate, yang terletak di lembah Sungai Labuk dan Sungai Sugut dalam daerah Beluran, Sandakan. Beliau melanjutkan pengajian tinggi di Maktab Perguruan Keningau pada tahun 1995. Selepas berkhidmat selama enam tahun sebagai guru Seni Visual di SMK Bukit Garam, beliau telah ditawarkan Biasiswa Penuh oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyambung pengajian dalam bidang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni Halus dan Seni Reka di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam dari tahun 2004 hingga 2008.

Kini, Cikgu Hamree bertugas sebagai guru Pendidikan Seni Visual (PSV) Tingkatan Enam di SMK Elopura Bestari. Sepanjang 26 tahun berkhidmat, beliau pernah dilantik sebagai Pentaksir Peringkat Negeri Sabah bagi mata pelajaran PSV Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi daerah Sandakan.

Selain akademik, Cikgu Hamree merupakan seorang penggiat seni yang aktif, bukan sahaja dalam seni lukis malah seni persembahan seperti tarian dan teater. Buktinya, kumpulan Sri Tari Sandakan yang mewakili negeri Sabah di bawah bimbingan beliau telah berjaya menjadi johan dalam Festival Tari Kebangsaan 2000. Beliau juga pernah beberapa kali mewakili Malaysia ke luar negara bagi persembahan tarian.

Dalam dunia seni catan, beliau konsisten menghantar karya untuk program Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah (KPTNS) sejak tahun 2013 hingga 2025. Daripada 12 karya yang dihantar, tiga karya telah terpilih ke peringkat negeri manakala enam lagi terpilih di peringkat bahagian Sandakan. Beliau juga aktif membimbing pelajar untuk menyertai KPTNS setiap tahun dan ramai yang telah berjaya terpilih.

Kini, beliau terus berbakti di SMK Elopura sebagai pendidik dan pelukis demi melahirkan generasi masa depan yang cemerlang dalam dunia seni visual di Sabah.



UMI NADZREENA BINTI MADSLIN
SK Taman Tawau

Cikgu Umi Nadzreena binti Madslin, seorang guru Pendidikan Seni Visual yang percaya bahawa seni bukan sekadar subjek, tetapi denyut halus yang menghidupkan jiwa.

Perjalanan bermula di Sekolah Kebangsaan Ulu Kalabakan, sebuah tempat yang mengajar beliau bahawa dalam kesederhanaan, seni mampu menjadi cahaya. Kini di Sekolah Kebangsaan Taman Tawau, Cikgu Umi meneruskan langkah dengan satu tekad membawa seni keluar daripada bayang-bayang, agar ia dilihat, dihargai, dan dirasai.

Tujuh tahun berkhidmat menghadiahkan lebih daripada pengalaman; ia mengumpulkan serpihan kisah. Beliau melihat tangan-tangan kecil yang pada awalnya ragu, akhirnya berani melakar. Melihat mata yang dulunya kosong, mula bersinar apabila menemukan warna mereka sendiri. Dalam setiap karya murid, beliau belajar bahawa seni bukan tentang keindahan semata-mata ia tentang keberanian untuk jujur dengan rasa.

Cikgu Umi Nadzreena berdiri sebagai guru, namun dalam diam, juga belajar tentang sabar, tentang percaya, dan tentang harapan yang tidak pernah meminta untuk difahami, hanya untuk diberi ruang.

Detik paling bermakna hadir apabila dua orang murid beliau berjaya dalam Pertandingan Karya Perdana 2022. Itu bukan sekadar kemenangan, tetapi bukti bahawa dari sebuah sudut kecil di Tawau, suara yang sederhana mampu bergema jauh. Ia adalah harapan yang menjadi nyata—bahawa seni yang dipupuk dengan jiwa tidak akan pernah sia-sia.

Beliau tidak mengajar seni untuk dipuji, tetapi untuk dirasai. Cikgu Umi tidak membina karya untuk dilihat, tetapi untuk dikenang.

Dan jika suatu hari nanti namanya tidak lagi disebut, beliau berharap setiap warna yang pernah disentuh oleh tangan murid-murid beliau akan terus hidup diam, tetapi abadi.



CHIN YEN YEE
艺舍 (Yee's Art), Sandakan

Chin Yen Yee merupakan seorang pereka dalaman yang telah mengasaskan sebuah studio seni kediaman dikenali sebagai “艺舍” di Sandakan sejak tahun 1994. Melalui studio ini, beliau aktif membimbing pelajar dalam bidang seni dengan penekanan terhadap kebebasan berfikir dan penerokaan kreativiti dalam penghasilan karya. Selain pengajaran, beliau turut menganjurkan pameran seni sebagai platform bagi para pelajar berkongsi hasil karya mereka kepada umum. Sepanjang penglibatan dalam bidang seni, antara pameran dan program yang pernah disertai oleh beliau termasuk:

1996 – Art Exhibition, Taichung
2003 – Christmas Art Exhibition
2008 – Fluorescent Light Art & Crafts, Hotel Mark Lodge
2009 – Christmas Art & Mini Doll House, Vedablue Cafe
2014 – Art & Craft Exhibition, Hotel Mark Lodge
2015 – Mask Craft Hobby Fusion, Club Indah
2017 – 3D Resin Fish Sharing, Balai Seni Lukis Sabah
2017 – Pameran Karya Wanita Ke-10, Balai Seni Lukis Sabah
2026 – Inverted Painting & Crafts Exhibition, Starbucks

Sejak tahun 2017, Chin Yen Yee mula terlibat dengan KPTNS setelah diperkenalkan oleh Pn. Jennifer P. Linggi. Sejak itu, beliau secara konsisten memberi peluang kepada para pelajarnya untuk menyertai pertandingan tersebut, dengan pendekatan yang menekankan kebebasan ekspresi dan keaslian idea. Hasil bimbingan beliau telah membuahkan pencapaian yang membanggakan, dengan pelajar-pelajarnya berjaya meraih pelbagai anugerah di peringkat bahagian dan negeri Sabah, antaranya:

KPTNS Ke-32 (2017) – 7 pemenang peringkat bahagian, 1 pemenang negeri
KPTNS Ke-34 (2019) – 2 pemenang peringkat bahagian, 1 pemenang negeri
KPTNS Ke-35 (2020) – 3 pemenang peringkat bahagian, 1 pemenang negeri
KPTNS Ke-36 (2021) – 4 pemenang peringkat bahagian, 2 pemenang negeri
KPTNS Ke-37 (2022) – 8 pemenang peringkat bahagian, 6 pemenang negeri
KPTNS Ke-38 (2023) – 10 pemenang peringkat bahagian, 4 pemenang negeri
KPTNS Ke-39 (2024) – 7 pemenang peringkat bahagian, 1 pemenang negeri
KPTNS Ke-40 (2025) – 4 pemenang peringkat bahagian, 3 pemenang negeri

Beliau berpendapat bahawa KPTNS merupakan sebuah platform yang penting dalam menyediakan ruang yang luas untuk penghasilan seni, tanpa terikat kepada batasan tema atau medium tertentu, sekaligus menggalakkan perkembangan kreativiti dalam kalangan pelajar.



FREDAUS JOHARI GUGAU
SK Kiawayan, Tambunan

Fredaus merupakan seorang guru yang kini bertugas di SK Kiawayan, Tambunan. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, serta memulakan perkhidmatan di SK Bukit Balai, Tubau, Bintulu, Sarawak pada tahun 2012 sebelum kembali berkhidmat di Sabah.

Minat dalam dunia seni visual telah dipupuk sejak kecil dan dikembangkan secara sendiri tanpa sebarang bimbingan formal. Pengalaman menghasilkan penulisan kreatif, siri komik, lukisan mural dan potret sejak zaman sekolah menjadi asas kepada penglibatan beliau dalam bidang kreatif sehingga kini.

Berbekalkan minat mendalam dalam seni lukis, arca, animasi dan videografi, kelab “The Creative Conquerors” SK Kiawayan ditubuhkan sebagai platform untuk menginspirasi murid-murid meneroka potensi serta membina keyakinan diri. Melalui penyertaan dalam pelbagai pertandingan termasuk KPTNS, murid-murid turut didedahkan dengan pameran seni serta bengkel kreatif yang dianjurkan di pelbagai peringkat. Selain bimbingan seni visual, Fredaus turut memberi sumbangan dalam pelbagai kapasiti merangkumi seni tari, drama, sukan mahupun kreatif digital. Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen untuk membantu murid-murid mengetengahkan bakat mereka dalam pelbagai bidang sehingga ada yang berjaya melangkah ke peringkat antarabangsa seterusnya mengharumkan nama sekolah mahupun negara.

Fredaus percaya bahawa pendidikan bukan sekadar kecemerlangan akademik, tetapi pembentukan modal insan yang kaya dengan nilai, jati diri, dan daya kreativiti yang tinggi melalui pendekatan seni yang inklusif.



CSHAHYRULL RONNY J. MATIMBUN
SK Kiawayan, Tambunan

Lahir pada 6 November 1984, Cshahyrull Ronny J. Matimbun ialah seorang guru yang berkhidmat di SK Kiawayan, Tambunan. Beliau menamatkan pengajian di Maktab Perguruan Kent, Tuaran dalam opsyen Kemahiran Hidup, Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Moral (2003-2006), dan memulakan kerjaya di SK Taman Dato Harun (1), Petaling Jaya (2006-2011) sebelum kembali ke Sabah dan berkhidmat di SK Banjar, Keningau (2012-2014). Kini, beliau terus menyumbang bakti di SK Kiawayan sambil memacu pembangunan kreativiti murid.

Ronny aktif dalam bidang seni visual dan pendidikan kreatif, komited dalam membimbing murid untuk meneroka potensi diri melalui seni lukis, ukiran, arca, cosplay, penulisan dan penghasilan karya inovatif. Beliau juga seorang pelukis potret, gemar bereksperimen dengan medium akrilik dan cat minyak, serta menghasilkan karya yang mengangkat budaya tempatan, keindahan alam dan imaginasi kreatif. Komik beliau diterbitkan di bawah KOMIK-M dengan nama pena Ronny Cyronz, menonjolkan bakat beliau dalam naratif visual dan sains fiksi.

Menubuhkan kelab “The Creative Conquerors” SK Kiawayan sebagai platform untuk mencungkil bakat dan memupuk keyakinan diri. Mulai menyertai pertandingan KPTNS pada 2020, Ronny kemudiannya menggalakkan dan membimbing murid untuk menyertai KPTNS, membina generasi muda yang kreatif, berkeyakinan, dan mampu bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa sekali gus melahirkan generasi kreatif, berkeyakinan dan mampu bersaing di peringkat lebih tinggi.

Tokoh SENI VISUAL



VALENTINE WILLIE

Valentine Willie merupakan salah seorang tokoh penting dalam pembangunan seni rupa kontemporari di Asia Tenggara. Berasal dari Kota Kinabalu, Sabah, beliau dikenali sebagai individu yang berwawasan dalam membentuk perkembangan pasaran seni di Malaysia serta memainkan peranan sebagai penghubung utama antara artis serantau dengan pengumpul dan institusi seni di peringkat antarabangsa.

Sebelum menumpukan sepenuh perhatian kepada dunia seni, Valentine Willie merupakan seorang pengamal undang-undang yang berpengaruh. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LL.B) dan Sarjana

Undang-Undang (LL.M) dari University College London (UCL), United Kingdom. Sekembalinya ke Malaysia pada tahun 1978, beliau berkhidmat sebagai peguam di Kota Kinabalu selama hampir dua dekad. Sepanjang tempoh tersebut, beliau bermula dalam bidang undang-undang keluarga sebelum beralih kepada undang-undang perbankan dan korporat. Kepakaran beliau dalam bidang ini turut dizahirkan melalui penerbitan sebuah buku rujukan bertajuk Banking Law pada tahun 1996. Beliau juga merupakan rakan kongsi pengasas firma guaman Skinner Lind Willie & Wong, yang kemudiannya dikenali sebagai Lind Willie Wong & Chin dan masih beroperasi sehingga hari ini. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Presiden Sabah Law Association pada akhir tahun 1980-an.

Pada tahun 1996, Valentine Willie mengambil keputusan meninggalkan profesion undang-undang untuk menubuhkan Valentine Willie Fine Art (VWFA), sekali gus memulakan penglibatan sepenuh masa dalam dunia seni visual. Melalui galeri tersebut, beliau memainkan peranan penting sebagai perunding seni, kurator, kolumnis serta pengumpul karya seni. Valentine Willie Fine Art kemudiannya berkembang sebagai salah satu galeri seni kontemporari terkemuka di rantau ini, dengan rangkaian galeri yang menghubungkan artis dari Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam melalui cawangan di Kuala Lumpur, Singapura, Yogyakarta dan Manila.

Sepanjang kerjayanya, beliau konsisten memperjuangkan pengiktirafan artis dari Sabah dan

Borneo di peringkat nasional dan antarabangsa. Usaha ini bukan sahaja membuka ruang kepada artis serantau untuk menembusi pasaran global, malah turut memperkenalkan estetika dan identiti budaya Borneo dalam wacana seni kontemporari.

Selain peranan sebagai penggiat galeri, Valentine Willie juga aktif sebagai penulis dan pengulas seni, di samping berkhidmat sebagai penasihat kepada institusi korporat dalam urusan perolehan karya seni. Beliau pernah dilantik sebagai Juri Pemilih Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah pada tahun 2021. Sejak tahun 2018, beliau turut berkhidmat sebagai Pengarah Urusan KRA Group dan pernah memegang peranan sebagai Pengarah Kreatif di ILHAM Gallery.

Bagi Valentine Willie, seni merupakan manifestasi jiwa dan identiti sesebuah bangsa. Beliau percaya bahawa sejarah seni perlu didokumentasikan dan dipelihara agar dapat diwarisi oleh generasi akan datang, khususnya bagi menyokong perkembangan anak-anak seni di negeri kelahirannya, Sabah. Melalui visi dan dedikasinya, beliau terus memainkan peranan penting dalam memperkaya ekosistem seni visual di Malaysia dan Asia Tenggara.



JAINAL AMAMRING

Jainal bin Amamring merupakan seorang penggiat seni yang berasal dari Kg. Rukom Darat, Kudat, Sabah dan berketurunan Rungus. Beliau telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai enam orang anak. Dari segi pendidikan, beliau memiliki kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).


Jainal dikenali sebagai seorang seniman yang berbakat dan mengasah kemahiran seni lukis secara autodidak (self-taught). Gaya pengkaryaan beliau cenderung kepada aliran naïve art, yang menampilkan pendekatan visual yang jujur, spontan dan dekat dengan pengalaman peribadi. Karya-karya beliau sering mengangkat tema kehidupan kampung serta elemen nostalgik yang mengimbau kembali memori zaman kanak-kanak.

Melalui penghasilan karya yang memperlihatkan kebudayaan dan gaya hidup masyarakat terdahulu, Jainal bukan sahaja berkarya sebagai ekspresi seni, malah turut berperanan sebagai perakam visual kepada warisan dan pengalaman kehidupan yang semakin jarang ditemui pada masa kini.

Dalam bidang seni, Jainal aktif menyertai pelbagai pameran di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, beliau juga merupakan pemilik sebuah studio seni berlesen, G Wonder Khayalan Home Art Gallery @ Galeri Khayalan yang terletak di Kg. Rukom Darat, KM 29.2, Kudat, Sabah. Studio seni ini bukan sekadar ruang berkarya, tetapi turut menjadi manifestasi kepada visi dan imaginasi Jainal sendiri. Senibina serta struktur bangunan di sekitar studio tersebut dibina dan direka secara peribadi, selari dengan pendekatan naïve art yang menjadi identiti pengkaryaan beliau.

Ruang ini menampilkan keunikan tersendiri, seakan-akan sebuah taman tema seni naif yang penuh dengan elemen visual yang spontan, ekspresif dan bersifat peribadi. Home gallery ini bukan sahaja berfungsi sebagai ruang pameran, malah turut dibuka kepada pengunjung serta sering menerima kunjungan rombongan sekolah yang menjalankan aktiviti art camp dan program pendidikan seni.

Sepanjang penglibatannya dalam dunia seni, beliau telah menerima pelbagai pengiktirafan dan anugerah. Antaranya termasuk beberapa hadiah pertandingan seni tempatan anjuran Balai Seni Lukis Sabah. Pada tahun 2012, beliau memenangi Hadiah Pertama Pertandingan Buku Bergambar Kanak-kanak anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur (DBP) dan Kota





Riang-Ria Ku Menjadi Kenangan

Buku Negara Malaysia. Pada tahun yang sama, beliau turut menerima Green Island Award dalam Nami Island Illustration Concours 2012 di Korea Selatan.

Selain itu, beliau juga pernah menerima beberapa pengiktirafan dalam Noma Concours, iaitu Hadiah Galakan (1998), Hadiah Kedua (2000), Naib Johan (2004), Hadiah Kedua (2006) dan Hadiah Galakan (2008). Pada tahun 2020, beliau turut dianugerahkan Artistic Merit Certificate dalam Luxembourg Art Prize.



Sumber: Facebook G Wonder Khayalan Home Art Gallery

Karya PILIHAN

PERINGKAT NEGERI

Karya Pilihan Utama
Kategori B & C

Karya Pilihan
Kategori A, B & C



Karya PILIHAN UTAMA

KATEGORI B
(13 - 17 tahun)



THE HANDS THAT FEED
Nur Nadhirah Binti Shabudin (b. 2008)
60 x 47 cm
Media campuran

KATEGORI C
(Terbuka)



CRACKED PROMISE
Evinossa (b. 2000)
122 x 91 cm
Arang atas kanvas

CRACKED PROMISE

Lagenda “**Cina Balu**” menjadi inspirasi penghasilan karya ini berdasarkan perspektif pengkarya secara dramatic. Karya merupakan gabungan realisme dan sedikit sentuhan surealisme untuk menyesuaikan elemen fantasi dari kisah legenda tersebut. Penegasan utama karya ialah subjek utama figura wanita yang mendakap anaknya. Berlatarbelakangkan Gunung Kinabalu yang megah, komposisi karya secara menegak dan simetri cuba menarik perhatian audiens kea rah ekspresi wajah figura. Bunga camellia di dada menjadi simbol penantian dan mesej terakhir dari Putera Cina. Arang menjadi media untuk mencapai ksesan kontras monoton hitam putih agar dapat **menyampaikan kisah pilu, penantian dan janji untuk kembali yang tidak tertunai.**



MINAMASI
Jacyntia Janet Jasne (b. 2002)
148.2 x 104.5 cm
Kertas

MINAMASI

Karya ini bertajuk Minamasi, yang bermaksud memberi kehidupan. Inspirasi karya ini berasal daripada lagenda Huminodun, anak kepada Kinoringan dan Suminundu, yang rela mengorbankan dirinya untuk menyelamatkan masyarakat ketika mereka dilanda kemarau, penyakit, dan kebuluran. Huminodun dengan rela hati menyerahkan dirinya untuk dikorbankan agar tubuhnya dapat berubah menjadi sumber makanan baharu yang menyelamatkan masyarakat. Daripada pengorbanan Huminodun, muncul tanaman yang menjadi sumber kehidupan masyarakat sehingga hari ini.

Dalam karya ini, Huminodun digambarkan sudah bertukar wujud sesuai dengan kata-katanya:

“Tubuh saya akan menghasilkan pelbagai jenis tanaman yang boleh dimakan untuk memberi makan kepada orang ramai. Daging saya akan menghasilkan beras, kepala saya, kelapa, tulang saya, ubi kayu, jari kaki, halia, gigi, jagung dan lutut saya, keladi. Orang kita tidak akan lapar lagi.”

Ungkapan tersebut mengandungi makna simbolik bahawa setiap bahagian tubuh Huminodun menjadi metafora kepada hasil pertanian yang kekal relevan hingga hari ini. Bahagian bawah karya menampilkan tanah hitam sebagai gambaran tanah mati. Namun, dari tanah inilah tunas tumbuhan mula muncul, menandakan wujud semula kehidupan hasil daripada pengorbanan Huminodun. Latar berwarna merah membawa bayangan darah pengorbanan, manakala pancaran sinar matahari di bahagian atas lukisan membawa harapan baharu serta menjadi lambang permulaan kehidupan baru.

Tujuh tangkai padi pada bahagian tengah lukisan merujuk kepada pesanan Huminodun sebelum memulakan tuaian, iaitu, tujuh tangkai padi pertama mesti dipetik dan diikat pada hujung sebatang buluh panjang. Buluh ini kemudian akan didirikan di tengah-tengah sawah padi semasa hari menuai. Di bahagian bawah padi itu, terdapat sebuah Kakanan (tajau besar) yang merupakan tempat penyimpanan beras oleh Masyarakat Dusun zaman dahulu. Kakanan menjadi tempat penyimpanan hasil tuaian pertama sebagai tanda kesyukuran.

Karya PILIHAN

KATEGORI A
(7 - 12 tahun)




PEMANDANGAN PEKAN PAPAR
Abby Tan Ke Nee (b. 2016)
59 x 84 cm
Cat akrilik atas kanvas



**KERJA BERSAMA, HORMAT
PADA YANG SUDAH PERGI**
Aelsa Suzenna Andywelsh (b. 2014)
59 x 84 cm
Akrilik atas kertas



**KAMI GOTONG ROYONG
BILANG SI MAMA**
Deantent Lustin (b. 2015)
120 x 62 cm
Cat akrilik atas papan



BAKUL SABAH
Chong Hor Yi (b. 2013)
60 x 76 cm
Akrilik atas papan



SANTAI PAGI
Clare Chaim Caiting (b. 2015)
59 x 84 cm
Media campuran atas kanvas



POLA POLA SABAH
Aldrich Lam Zhen Jet (b. 2013)
69 x 69 cm
Manik perler



CORAK LINANGKIT
Fyrazz Elaz (b. 2014)
62 x 100 cm
Cat akrilik atas papan



**MURUT MAGUNATIP
BAMBOO DANCE**
Sharnice Lai Yu Yuan (b. 2014)
60 x 70 cm
Marker akrilik atas papan



**PERAYAAN ZHONG YUAN
(GHOST FESTIVAL)**
Marelyn Jean Foo Ya Thong (b. 2014)
42 x 59 cm
Media campuran atas kertas




WEDDING DAY SELFIE
Skye Ronny J. Matimbun (b. 2015)
43 x 60 cm
Cat akrilik atas kertas

Karya PILIHAN

KATEGORI B
(13 - 17 tahun)



MALL DI KK
Anas Soleh Bin Mohd Daud (b. 2011)
112 x 112 cm
Cetakan catan digital



SIKUALI INDE PA
Danzeaz Rogar (b. 2011)
60 x 60 cm
Akrilik atas papan




**BUDAYA DIMASA BANJIR
(MASYARAKAT BEAUFORT)**
Anney Elvera Alexander (b. 2011)
50 x 60 cm
Akrilik atas kanvas



BURASE NA ATI
Wardah Binti Sabaruddin (b. 2009)
61 x 91 cm
Media campuran atas kanvas



**TARIAN PAHLAWAN (YING GE)
TEO CHEW SABAH**
Lim Sze Kee (b. 2007)
42 x 59 cm
Cat air atas kertas



**JAMUAN KELUARGA SAYA
DI HARI PERTAMA
(CHINESE NEW YEAR)**
Jessica Chang Poh Ming (b. 2009)
42 x 60 cm
Benang dan manik



CUTI SEKOLAH MENANAM PADI
Muhd Anees Isyraf Bin Undi (b. 2012)
42 x 59 cm
Marker akrilik



**PINISI DO KENINGAU,
RONA TRADISI**
Athira Amani Basini@Basni (b. 2009)
59 x 42 cm
Media campuran

Karya PILIHAN

KATEGORI C
(Terbuka)



THE OTHER SIDE OF HUMINODUN
Ag Ku Ade Az Zarieff Bin Awang Talip (b. 2002)
182 x 137 cm
Akrilik atas papan

THE OTHER SIDE OF HUMINODUN

Karya *triptych* ini berakar daripada mitologi Kadazan-Dusun tentang Huminodun, seorang puteri yang menyerahkan tubuhnya demi menyelamatkan bangsanya daripada kebuluran. Tiga panel papan lapis berbentuk siluet gunung bukan sahaja menjadi medium fizikal, tetapi juga metafora gunung sebagai saksi abadi kepada pengorbanan dan harapan. Warna hitam dan putih mendominasi, seakan menanggalkan dunia daripada cahaya untuk menekankan kontras antara hidup dan mati, cinta dan kehilangan. Di latar gunung, sapuan hitam yang meleleh seperti air yang mengalir menyerupai air mata, tetapi juga mengingatkan kepada sungai kehidupan menjadi tanda bahawa daripada kesedihan lahirlah benih harapan baru.

Karya Pilihan Kategori C (Terbuka)

Panel Kiri – “Tangisan dan Penyerahan”

Panel ini memaparkan wajah-wajah masyarakat iaitu ibu, anak, lelaki dan perempuan dan semuanya dalam gaya kubisme yang terpecah-pecah, melambangkan kesedihan yang tidak dapat difahami dari satu sudut sahaja.

Mereka tidak sekadar menangis; semua mata tertumpu ke arah sosok tengah, seakan memohon agar ada jalan lain, atau ada kuasa yang mampu menghalang pengorbanan itu. Di sini, penderitaan kolektif digambarkan sebagai ratapan universal: manusia tahu bahawa pengorbanan itu perlu, tetapi hati tetap menolak kehilangan.

Panel Tengah – “Tubuh Sebagai Persembahan”


Di tengah, Huminodun berdiri sebagai inti visual. Tubuhnya lebih realistik, dipenuhi cahaya samar yang membezakan dirinya daripada figura lain yang kekal datar. Wajahnya tenang, tetapi sarat beban tubuhnya seakan altar, titik temu antara kematian dan kehidupan. Matanya sebelah kanan melihat diri sendiri, perasaan kesian terhadap dirinya kerana dia masih ingin hidup bahagia. Bayangan gelap di sekitarnya menutup, namun cahaya tipis darinya menembusi, melambangkan kehidupan baru yang bakal tumbuh daripada pengorbanan. Mata masyarakat dari kiri dan kanan tertuju padanya, menjadikan sosok ini bukan hanya figura, tetapi titik pusat semesta.

Panel Kanan – “Kekerasan dan Kesaksian”

Panel ini memperlihatkan lelaki dengan parang, dikelilingi wajah-wajah yang menangis. Mereka bukan hanya pelaku, tetapi saksi. Tegangan tubuh mereka menunjukkan konflik batin antara tanggungjawab menyelamatkan komuniti dengan cinta yang mereka simpan terhadap gadis yang dikorbankan. Air mata mereka mengesahkan paradoks pengorbanan: ia bukan hanya tindakan, tetapi luka yang mengikat generasi.

Keseluruhan Karya

Secara formal, pecahan wajah dan tubuh dalam gaya kubisme melambangkan pelbagai sudut pandangan dari segi emosi yang terbelah-belah, ratapan, cinta, penyesalan, tanggungjawab, dan harapan semuanya hadir serentak. Namun karya ini melampaui mitos. Pandangan manusia di kiri dan kanan adalah pandangan kita sendiri: kasihan kepada sesiapa yang harus menanggung beban terlalu besar. Sama seperti setiap wanita yang mempertaruhkan nyawa ketika melahirkan anak, pengorbanan Huminodun adalah paradoks agung antara kehilangan dan penciptaan, antara maut dan kehidupan.



MOMOHONTOG
Alexander Victor Indip (b. 1980)
91 x 122 cm
Media campuran atas kanvas

MOMOHONTOG


“*Momohontog*” bermaksud memanggil, merupakan upacara ritual yang dijalankan oleh bobohizan / bobolian selepas 40 hari kematian atau selepas upacara momisok dilaksanakan. Momohontog dilaksanakan atas permintaan keluarga si mati, dan upacara ini dilakukan untuk beberapa tujuan, antaranya untuk bertanya

kehab, pesanan si mati, atau punca kematian yang mencurigakan pihak keluarga. Bobohizan melaksanakan upacara ini dengan dikelilingi oleh beberapa pembantunya yang bersenjata serta bertujuan melindungi bobohizan dari sentuhan orang luar; ianya boleh mendatangkan kecelakaan kepada bobohizan.

Roh bobohizan dipercayai akan terbang untuk bertemu roh si mati di Gunung Kinabalu (tempat persemadian roh) bagi tujuan berkomunikasi dengan si mati dan menjadi perantara kepada pihak keluarganya yang masih hidup. Tujuannya adalah untuk menyampaikan pertanyaan kepada keluarganya atau untuk menyiasat punca kematian mencurigakan atau mencari jawapan pelaku kematian.

Bahagian atas karya menggambarkan wajah bobohizan dan si mati bertemu dan berkomunikasi serta alam ghaib dengan suasana yang aneh. Di tangan kiri bobohizan adalah alat yang dikenali sebagai “*Kinokondiu*”. Ianya dilengkapi dengan sebatang kayu dan bulu burung. Fungsi kinokondiu ini adalah untuk membawa roh bobohizan terbang bertemu dengan roh si mati di alamnya.

Sementara di tangan kanan bobohizan pula merupakan rumput “*komburongoh*” (tenaga yang tersembunyi). Komburongoh ini digunakan bobohizan untuk menghubungkannya dengan alam spiritual atau alam ghaib. Posisi bobohizan yang terletak di atas satu pusaran menggambarkan kehidupan ini adalah satu putaran. Sesuai dengan prinsip hidup bobohizan yang tidak mementingkan kekayaan dan kebendaan. Tugasnya adalah untuk membantu mencari kebenaran dan menolong kesulitan masyarakatnya.



TURALI (THE SOUND OF SADNESS) 2.0

Hannah Kong Nyuk Fun (b. 1991),
Dr Imelda Ann Achin (b. 1986), & Dr Junior Kimwah (b. 1991)
119 x 76 x 43 cm
Media campuran (*Projection mapping*)

TURALI (THE SOUND OF SADNESS) 2.0

Turali (Bunyi Kesedihan) ialah karya hibrid yang menggabungkan seni kertas, animasi digital, dan pemetaan unjuran bagi memvisualkan cerita rakyat asas suku Dusun Tambunan. Karya ini mengisahkan kisah mendalam tentang Otu, seorang pemuda yang dilanda kesedihan teramat setelah kehilangan kedua orang tuanya — yang akhirnya melahirkan alat muzik Turali, seruling hidung tradisional Dusun yang digunakan untuk meluahkan kesedihan.

Naratif ini menggambarkan satu kepercayaan budaya penting. Pada zaman dahulu, lelaki tidak dibenarkan menangis kerana dianggap akan membawa malapetaka kepada keluarga. Dilanda kesedihan yang mendalam akibat kehilangan kedua ibu bapanya, Otu mencari cara lain untuk melepaskan emosinya. Dia mengukir sebatang buluh menjadi Turali, dan menyedari bahawa alunan sayu itu adalah satu-satunya cara untuk menzahirkan kesedihan yang tidak tertanggung. Lagu itu begitu menyayat hati sehingga penduduk kampung menjejaki bunyi tersebut hingga ke rumahnya, di mana mereka menemui ibunya yang masih belum dikebumikan. Dari peristiwa inilah lahir tradisi Dusun yang menggunakan seruling hidung sebagai tanda untuk menyampaikan berita bahawa seseorang telah meninggal dunia.

Pemilihan medium karya ini merupakan dialog yang disengajakan antara masa lalu dan masa kini. Asas karya ini ialah perkampungan kertas buatan tangan, yang melambangkan sifat rapuh namun kekal abadi tradisi rakyat dan alat muzik buatan tangan. Struktur fizikal ini dihidupkan melalui animasi digital (dihasilkan dalam Procreate Dreams dan diunjurkan ke permukaan karya), menyuntik cahaya, pergerakan, dan dimensi masa ke dalam seni kertas tersebut.

Gabungan antara kraf tradisional dan teknologi moden ini mengubah penceritaan menjadi sebuah adegan tiga dimensi yang bercahaya. Instalasi ini berfungsi sebagai metafora kepada usaha memelihara kisah-kisah warisan nenek moyang — menerangi naratif purba dengan alat kontemporari, serta memastikan intipati warisan kita terus bergema sebagai pengalaman seni yang menyentuh emosi dan mengasyikkan bagi penonton masa kini.



ROMBITUON TADAU POSIK KOU! MIBOK MONGOI HILO'D RANAHAH
CT. Subkhatul Khusnah Binti Ichsan (b. 1991)
96 x 122 cm
Polisterin dan kain

ROMBITUON TADAU POSIK KOU! MIBOK MONGOI HILO'D RANAHAH

Karya bertajuk “Rombituon Tadau: Posik Kou! Mibok mongoi hilo’d ranahon” diilhamkan daripada cerita rakyat Kadazan Dusun tentang bintang pagi (Venus) yang dipercayai sebagai penunjuk musim menanam dan menuai padi. Dalam tradisi lisan, bintang ini digambarkan

sebagai adik kepada matahari, yang sentiasa muncul lebih awal di langit timur, seolah-olah mendahului kakaknya untuk memberi tanda kepada manusia bahawa fajar bakal menyingsing. Kisah ini bukan sekadar mitos kosmos, tetapi berakar daripada cara hidup masyarakat petani Dusun yang sangat bergantung pada tanda-tanda alam untuk menentukan perjalanan hidup mereka.

Melalui karya kinusaga ini, saya cuba menghidupkan semula kisah Rombituon Tadau dalam bentuk visual moden. Susun atur warna dan fabrik dipilih untuk menggambarkan pertentangan antara dua dunia, siang dan malam. Bahagian kiri karya dipenuhi dengan merah, jingga, dan keemasan yang mewakili matahari serta tenaga kehidupan. Bahagian kanan pula menonjolkan warna biru tua, hitam, dan ungu—melambangkan langit malam bersama bintang yang bersinar.

Di ruang tengah, bentuk seperti pohon menjadi penghubung antara kedua-dua dunia, melambangkan keseimbangan kosmos dan kesinambungan hidup masyarakat yang berpaksi alam.

Karya ini bukan sekadar sebuah hiasan tekstil, tetapi sebuah tafsiran visual terhadap hubungan manusia dengan kosmos, khususnya dalam konteks masyarakat Dusun di Ranau. Simbol Bintang Tadau yang terpancar di langit biru melambangkan harapan, penantian, serta kesinambungan budaya. Ia juga menjadi metafora kepada generasi muda yang perlu terus menyalakan cahaya warisan agar tidak hilang ditelan masa.

Menariknya, karya ini tidak disandarkan kepada arah kompas sebenar. Hal ini dilakukan untuk menekankan bahawa kosmos tidak pernah statik, malah sentiasa bergerak dan berubah, sama seperti cerita rakyat yang diwariskan melalui lisan. Setiap sudut pandang boleh melahirkan tafsiran yang berbeza, dan dari situlah kekayaan budaya ini terus hidup. Kesilapan arah yang kelihatan dalam rekaannya ini saya anggap, simbol bahawa warisan budaya tidak beku, tetapi sentiasa berkembang dan berputar bersama masa.

Dengan itu, “Rombituon Tadau: Posik Kou! Mibok mongoi hilo’d ranahon” bukan sekadar merakam keindahan subuh musim lima, tetapi ‘mengangkatnya’ sebagai naratif kontemporari yang dapat berbicara dengan generasi hari ini. Ia mengingatkan kita bahawa di sebalik kegelapan, hubungan kita dengan langit, bintang dan tanah masih menjadi nadi kepada identiti dan jati diri masyarakat Sabah.



DAYANG LAUT - THE MAIDEN WHO BECAME THE OCEAN
Nurfarhainin (b. 1998)
80 x 100 cm
Media campuran

DAYANG LAUT - THE MAIDEN WHO BECAME THE OCEAN

Dayang Laut – The Maiden Who Became the Ocean is a diptych that waves myth and material into a narrative of transformation. Inspired by oral traditions from the Sulu and Bajau communities of Sabah, the work reflects on the legend of a young woman cursed by heartbreak, who was transformed into a mermaid and became a sea princess. From her sorrow, the dugongs were born – offspring who carry her story and populate the waters as her eternal companions.

The two panels begin with acrylic-painted backgrounds, where flowing water currents, swimming fish, and coral reefs are painted and decorated in a style that echoes batik painting traditions. This layered surface suggests shifting tides and the quiet rhythm of the sea while grounding the work in a cultural visual language. The dugongs in the painting is also painted via acrylic on canvas to make it more immersive and cohesive.

Emerging across these painted depths is a mermaid figure, cut from hand-drawn, handmade batik fabric of my own making. Batik, a heritage textile deeply tied to identity and storytelling, is here reimagined as the central figure of the tale, its patterns and colors carrying the weight of cultural memory.

To enrich the narrative, selected elements are brought to life through embroidery. The mermaid herself is adorned with stitched embellishments of beads, sequins, and thread that emphasize her otherworldly presence. Alongside her, a single oyster is embroidered with shimmering bead and sequin detail, while six embroidered fish swims quietly across the panels. These tactile additions create points of light and movement, anchoring the story in material texture while evoking the

treasures of the sea. As a whole, this work serves both as homage and reinterpretation. It celebrates the richness of Sabahan Eastern coastal folklore while exploring how such stories can be preserved through art. By merging painting, handmade batik, and embroidery, Dayang Laut transforms into more than an image: it becomes a layered remembrance, where the pain of heartbreak evolves into legend, and legend is kept alive through material and memory.



TOMBIRUO SUARA ALAM
Roger Godfrey (b. 2006)
170 x 93 cm
Media campuran

TOMBIRUO SUARA ALAM

Inspirasi karya ini berakar dari kepercayaan suku kaum Dusun, iaitu lagenda Tombiruo. Menurut kepercayaan masyarakat Dusun Sabah, Tombiruo ialah roh hutan yang menjaga keseimbangan alam serta melindungi sungai, hutan, dan binatang. Sesiapa yang mencemari hutan atau sungai akan menerima balasannya. Masyarakat percaya Tombiruo mampu mendatangkan ribut, banjir, atau malapetaka sebagai tanda murka.

Pada karya, terdapat seorang tua dengan badan kurus dan lemah memasang ekspresi gembira sambil membawa seekor kerbau. Orang tua ini adalah gambaran bagi Tombiruo yang saya ekspresikan sedang menderita atas alam yang kini dicemari, namun tetap tabah menjaga hutan dan sedaya upaya mencegah bencana. Latar belakang berwarna putih dan bertekstur menjadi simbol kesucian dan keindahan alam semula jadi.

Selain itu, terdapat seekor kerbau yang berwajahkan manusia dengan ekspresi sedih, dituntun

oleh Tombiruo dan kelihatan kerbau itu membebaskan Tombiruo yang menderita. Ini Adalah bentuk ekspresi saya terhadap hakikat manusia kini yang mencemari alam dan tidak bertanggungjawab sehingga alam terjejas dan bencana terjadi, menyebabkan sesetengah manusia yang tidak bersalah turut terkorban. Dalam konteks ini, mungkin juga Tombiruo sedang menghukum manusia sebagaimana diceritakan dalam legenda.

Melalui nombor pada latar belakang yang agak mengganggu keseimbangan karya, sebenarnya ia disengajakan oleh seniman untuk mengguncang sudut pandangan estetika penonton. Hal ini kerana ia adalah kritikan atas sikap masyarakat kini yang meremehkan perbuatan negatif kecil sehingga tanpa disedari membawa kesan bencana besar. Begitulah angka pada latar belakang yang, apabila dilihat, akan terus bertambah dari 1, 2, 3, dan seterusnya. Namun tanpa disedari, angka itu menciptakan angka yang lebih besar seperti 1214, 1325, atau 9315 sebagaimana yang ada pada karya ini.

Secara keseluruhannya, karya ini mengangkat semula cerita legenda nenek moyang untuk mengkritik sekaligus mengingatkan masyarakat agar bertanggungjawab terhadap alam, mengingat baru-baru ini Sabah dilanda bencana alam sehingga beberapa insan terkorban. Bagi seniman, sekecil apapun perbuatan negatif jika berterusan pasti akan mendatangkan kesan besar.



SPIRIT OF THE LEGEND THE OFFERING OF HUMINODUN
Syllyde Milcah Sungiong (b. 1990)
92 x 122 cm
Cat minyak atas kanvas

SPIRIT OF THE LEGEND THE OFFERING OF HUMINODUN

Karya 'Spirit of The Legend; The Offering of Huminodun' merupakan satu interpretasi visual yang menggambarkan semangat legenda etnik Kadazan-Dusun tentang pengorbanan seorang gadis suci Huminodun. Dalam mitos masyarakat Kadazan-Dusun, Huminodun adalah puteri kepada kinoingan dan suminudun yang sanggup mengorbankan dirinya demi menyelamatkan masyarakatnya daripada kebuluran akibat kemarau panjang.

Dari jasadnya yang dikorbankan, lahirlah benih padi dan hasil bumi sebagai sumber rezeki dan kehidupan buat masyarakatnya. Karya ini bukan sekadar gambaran visual, tetapi juga suatu tafsiran simbolik terhadap nilai, makna dan roh pengorbanan yang begitu besar dalam budaya masyarakat Kadazan-Dusun.

Karya ini, menggambarkan sosok Huminodun berdiri dalam keadaan tenang dengan mata terpejam, memegang segenggam padi di kedua tangannya. Padi yang digenggam bukan sekadar benih, tetapi simbol kehidupan, rezeki dan keberlanjutan. Ia mencerminkan bahawa hasil bumi dan makanan adalah hadiah suci daripada pengorbanan yang tulus ikhlas. Latar belakang gunung, sawah padi, kerbau dan burung-burung menambahkan makna yang mendalam. Gunung-gunung yang diselimuti kabus menggambarkan suasana mistik, seolah-olah menghubungkan dunia manusia dengan alam spiritual. Sawah padi yang luas mencerminkan hasil daripada pengorbanan Huminodun, di mana kehidupannya berubah menjadi benih padi untuk generasi seterusnya. Kerbau-kerbau yang sedang membajak sawah melambangkan kesinambungan tradisi pertanian, manakala burung-burung yang berterbangan mengisyaratkan kebebasan roh Huminodun yang kekal mengawasi dan memberkati masyarakatnya. Pemilihan warna dalam karya ini juga sarat dengan simbolisme, warna jingga dan keemasan langit melambangkan harapan dan cahaya selepas kegelapan. Pakaian tradisi dari pedalaman Sabah ini dipanggil 'Tabot Rinagang'. Warna hitam pada busana Huminodun iaitu 'Tabot' kain yang menutupi bahagian dada dan 'Tapi' skirt, memberikan penekanan pada aspek kesucian dan pengorbanan, dihiasi dengan rotan yang diwarnakan merah di dadanya menggambarkan semangat, darah dan kehidupan.

Secara keseluruhan, karya ini ingin mengangkat semula kisah legenda yang sering diceritakan dari generasi ke generasi, agar tidak luput ditelan arus modenisasi. Melalui tafsiran visual ini pengorbanan Huminodun tidak hanya dikenang sebagai cerita rakyat semata-mata, tetapi sebagai satu falsafah hidup: bahawa kehidupan memerlukan pengorbanan, kasih sayang dan kebersamaan. Nilai inilah yang terus relevan dalam masyarakat hari ini, di mana manusia harus menghargai alam, makanan dan tradisi yang diwariskan.

Karya ini juga berfungsi sebagai jambatan antara seni, budaya dan spiritual. Ia mengingatkan kita bahawa setiap butir nasi yang dimakan adalah hasil daripada jerih payah dan pengorbanan, bukan sahaja manusia, tetapi juga alam itu sendiri. Dengan ini, karya ini cuba menyentuh hati penonton agar lebih menghargai warisan budaya dan legenda yang membentuk identiti sesebuah bangsa. Ringkasnya, 'Spirit of The Legend; The Offering of Huminodun' adalah sebuah pernyataan visual tentang roh pengorbanan, hubungan manusia dengan alam dan nilai budaya yang tidak ternilai. Ia menegaskan bahawa legenda bukan sekadar cerita lama, tetapi jiwa yang terus hidup dalam setiap aspek kehidupan masyarakat hingga ke hari ini.



PERJUANGAN ANTANOM

Nazmi Bin Tajuddin (b. 1994)

8 x 7 x 7 ft

Media campuran (Instalasi)

PERJUANGAN ANTANOM

Karya ini menggambarkan kisah perjuangan Ontoros Antanom, pahlawan Murut yang dikenali sebagai pahlawan gagah dan berani di Sabah, beliau bangkit menentang penindasan penjajah pada awal abad ke-20. Dalam lukisan utama, terlihat sekumpulan figura rakyat Antanom berpakaian seragam hijau dengan ikat kepala merah, tersusun rapat dalam posisi rebah. Susunan mereka membangkitkan suasana duka tetapi juga sarat dengan makna pengorbanan. Teknik lapisan tekstur yang kasar memberi kesan dramatik, seakan menegaskan penderitaan dan ketabahan dalam sejarah perjuangan.

Di antara figura-figura ini, tertera barisan kata-kata berbahasa Murut yang berbentuk puisi semangat melawan penjajah. Puisi tersebut menjadi nadi karya, satu seruan roh perjuangan yang tidak pernah padam meskipun jasad telah gugur. Ia mengangkat martabat semangat kolektif masyarakat Murut yang teguh mempertahankan maruah, tanah, dan kebebasan. Unsur kunci yang bergantung menambah lapisan simbolik penting. Ia melambangkan pencarian panjang terhadap kunci kebebasan, sesuatu yang tidak diperoleh dengan mudah tetapi melalui perjuangan yang berlarutan bertahun-tahun. Kunci-kunci itu seakan

menggambarkan harapan, pilihan, dan jalan keluar yang sentiasa dicari dalam sejarah perjuangan menentang penindasan.

Bahagian bawah karya menampilkan instalasi rantai besi yang mengikat papan bercetak – simbol peraturan dan cukai-cukai berat yang dikenakan oleh penjajah British kepada masyarakat tempatan. Antaranya termasuk:

- Cukai tambahan 50 sen setiap hasil tanaman.
- Cukai kepala 1 dolar setiap orang.
- Cukai setiap pokok kelapa untuk tusk 25 sen.
- Cukai tangkapan ikan, hasil hutan dan binatang buruan 1 dolar seekor.

Karpet merah yang digunakan sebagai alas karya ini melambangkan kuasa, kekuasaan, dan kebanggaan yang berlebihan – satu simbol tradisional yang sering dikaitkan dengan kehormatan golongan atasan.

Dalam konteks karya “Cukai: Tanda Keangkuhan,” warna merah ini menjadi sindiran visual terhadap sistem penindasan kolonial yang mengenakan pelbagai jenis cukai ke atas rakyat bawahan. Ia bukan sekadar elemen hiasan, tetapi latar yang menonjolkan pertembungan antara rakyat tertindas dengan pemerintah yang bermegah dalam kemewahan palsu mereka. Karpet ini juga berfungsi sebagai sempadan simbolik – memisahkan “mereka yang di atas” daripada “mereka yang di bawah,” sekaligus memperkuat mesej bahawa kekuasaan dan keangkuhan sering dibina di atas penderitaan orang lain.

Visual rantai yang mengikat papan tersebut melambangkan keterbelengguan rakyat oleh sistem cukai yang menindas, hingga mencetuskan pemberontakan Rundum (1915) yang dipimpin Antanom. Karya ini bukan sekadar naratif sejarah, tetapi juga satu bentuk penghormatan kepada keberanian masyarakat tempatan mempertahankan maruah, tanah, dan kebebasan daripada penjajah. Ia menyeru penonton untuk mengingatkan kembali erti perjuangan, pengorbanan, dan kebebasan dalam konteks hari ini.

Pengadilan BAHAGIAN



BAHAGIAN TAWAU

- 7 Oktober 2025 (Selasa)
- LKNS Cawangan Tawau
- Peserta : 87
- Karya : 93



BAHAGIAN SANDAKAN

- 9 Oktober 2025 (Khamis)
- SMK Elopura, Sandakan
- Peserta : 53
- Karya : 55



BAHAGIAN PANTAI BARAT SELATAN

- 13 Oktober 2025 (Isnin)
- Balai Seni Lukis Sabah
- Peserta : 93
- Karya : 96



BAHAGIAN PEDALAMAN BAWAH

- 15 Oktober 2025 (Rabu)
- SMK Beaufort III
- Peserta : 58
- Karya : 62



BAHAGIAN PEDALAMAN ATAS

- 21 Oktober 2025 (Selasa)
- Pusat Kebudayaan Murut Tenom
- Peserta : 107
- Karya : 105



BAHAGIAN PANTAI BARAT UTARA

- 27 Oktober 2025 (Isnin)
- Galeri Etnik Kota Belud
- Peserta : 545
- Karya : 566

Karya PILIHAN

PERINGKAT BAHAGIAN

BAHAGIAN
Tawau
Sandakan
Pantai Barat Selatan
Pedalaman Bawah
Pedalaman Atas
Pantai Barat Utara

KATEGORI
A (7 - 12 tahun)
B (13 - 17 tahun)
C (Terbuka)



BAHAGIAN TAWAU

Kategori A (7-12 tahun)



Riuh Gong Xi Di Taman
Wong Ke Xin
42 x 59 cm
Warna poster dan crayon atas kertas



Riak di Bawah Dermaga
Serene Jackson Liew Yunying
70 x 50 cm
Akrilik atas kanvas



Keindahan Budaya Pesisir Kampungku
Coey Lim Hong Yee
42 x 59.4 cm
Media campuran atas kertas



**Parayahan Sangom
(Cahaya di Malam Hari)**
Siti Qaisarah bt Abdullah
42 x 59.4 cm
Media campuran atas kertas



The Ikan Masin
Ahmad Wafiq Ramadhan b. Arifuddin
42 x 59.4 cm
Media campuran atas kertas



Inilah Kaamatan Kadazan Sabah
Chua Yao Jun
42 x 59.4 cm
Media campuran atas kertas



Celebration of Murut People
Hon Yan Yee
42 x 59.4 cm
Media campuran atas kertas



Seni Budaya Murut
Zoey Lau Xin Rou
42 x 60 cm
Pen dan pen marker atas kertas



Harmoni Dalam Ragam
Chloe Jackson Liew Yunxuan
77 x 50 cm
Akrilik atas kanvas



Tarian Pahlawan (Yingge)
Teo Chew Sabah
Lim Sze Kee
42 x 59.4 cm
Cat air atas kertas




Suli-Suli Daing Lumahan
Mohd Hafiz b Mohd Lahun
96.5 x 150 cm
Cat minyak atas kanvas



Dayang Laut-The Maiden Who Become The Ocean
Nurfarahainin
160 x 100 cm
Media campuran

BAHAGIAN SANDAKAN

Kategori A (7-12 tahun)



Bakul Sabah
Chong Hor Yi
60 x 76 cm
Akrilik atas papan



Pola-Pola Sabah
Aldrich Lam Zhen Jet
69 x 69 cm
Perler Beads



Murut Magunatip Bamboo Dance
Sharnice Lai Yu Xuan
60 x 76 cm
Akrilik



Sabah's Traditional Musical Instrument
Hiew Ming En
35 x 25 cm
Media campuran



Tarian Singa
Goh Shi Lin Celine
59 x 42 cm
Pensel warna atas kertas

Kategori B (13-17 tahun)



Gadis Desa di Sawah Padi
Jasdigoaldino Juil
90 x 105 cm
Batik



Menjalan Tradisi, Menyambung Tradisi
Mohammad Nur Alman b. Moh Nub
61 x 61 cm
Akrilik atas kanvas



Sikuali Inde Pa
Danzeaz Rogar
60 x 60 cm
Akrilik atas kanvas



Burase Na Ati
Wardah bt Sabaruddin
91.5 x 91.5 cm
Media campuran atas kanvas


Kategori C (Terbuka)



Kisah Dua Matahari
Abdul Hafiz bin Abdul Rashid
155 x 111.5 cm
Phyrogaphy atas papan



Echoes in Beads: Tales of The Rungus
Nurul Izzah Syazwani bt Salman
91.5 x 122 cm
Media campuran atas kanvas



Legenda Tidak Diceritakan
Hamree Murah
100 x 100 cm
Bitumen atas kanvas



Perjuangan Antanom
Nazmi bin Tajuddin
8 x 7 x 7 ft
Media campuran (Instalasi)

BAHAGIAN PANTAI BARAT SELATAN

Kategori A (7-12 tahun)



Keseruan Udang Sungai Air Tawar
Anson Tang Zhi Ying
63 x 67 cm
Dakwat china atas kertas



Pinakol Rungus
Dayang Sofea Amanie bt. Mohammad Azuwan
42 x 59.4 cm
Kertas



Santai Pagi
Clare Chaim Caiting
59.4 x 84 cm
Media campuran atas kanvas



Pemandangan Pekan Papar
Abby Tan Ke Nee
59 x 84 cm
Cat akrilik atas kanvas



Cultural Relics Of Headhunting In Kadazandusun Heritage
Maevely Lyra Marconi
42 x 59.4 cm
Pen atas kertas

Kategori B (13-17 tahun)



Untitled
Chong Yang
122 x 70 cm
Dakwat china



Budaya Di Daerah Saya
Abbygail Chung Jia Yee
42 x 59.4 cm
Media campuran atas kertas



Mall Di Kk
Anas Soleh Bin Mohd. Daud
112 x 112 cm
Cetakan catan digital

Kategori C (Terbuka)



Kg. Sembulan Lama Tahun 1910
Lakim Hj. Kassim
90 x 100 cm
Media campuran



Spirit Of The Legend: The Offering Of Huminodun
Syllide Milcah Sungiong
92 x 122 cm
Cat minyak atas kanvas



Arob (The Moon As Hostage)
Ronexy Clairel Wilfred
103 x 103 cm
Cat minyak dan akrilik atas kanvas



Turali (Sound Of Sadness)
Hannah Kong Nyok, Dr. Imelda Ann Achin, Dr. Junior Kimwah
Media campuran
(Projection mapping)



The Other Side of Huminodun
Ag Ku Ade Az Zarieff Bin Awang Talib
183 x 137 cm
Akrilik atas papan

BAHAGIAN PEDALAMAN BAWAH

Kategori A (7-12 tahun)



Kebudayaan Di Rumah Setinggal
Dayang Nurul Aylsaah
bt. Ag. Azmi
42 x 59.4 cm
Media campuran



Perayaan Zhong Yuan (Ghost Festival)
Marelyn Jean Foo Ya Thong
42 x 59 cm
Media campuran



Koubasanan Tatana
Leo Hyyza Hyairron
42 x 59.4 cm
Media campuran

Kategori B (13-17 tahun)



Santapan Tradisi Beaufort
Umi Syuhadah bt. Mohd Asnal
42 x 59.4 cm
Akrilik



Persajian Penunggu Laut
Aida Yuhanis binti Idrus
60 x 90 cm
Akrilik



Mendadih Kelupis-Gotong-Royong Budaya Beaufort
Nurhaninee Syafinie bt. Azmee
59 x 42 cm
Akrilik



Budaya Di Masa Banjir (Masyarakat Beaufort)
Anney Elvera Alexander
50 x 60 cm
Akrilik



Jamuan Keluarga Saya Di Hari Pertama (Chinese New Year)
Jessica Chang Poh Ming
42 x 60 cm
Benang & manik

Kategori C (Terbuka)



Tompilolangoi
Moris Dexter Mitanis
93 x 130 cm
Akrilik



Momohontong
Alexander Victor Indip
91.5 x 122 cm
Media campuran

Kategori A (7-12 tahun)



Wedding Day Selfie
Sky Ronny J. Matimbun
43 x 60 cm
Akrilik



Marilah Bah Pulang, Karabau
Ryle Ronny J. Matimbun
43 x 60 cm
Akrilik



Kami Kedapatan Mencuri Rambutan Nenek Kampung Sebelah
Leonell Xavier Larry Presley
43 x 60 cm
Akrilik



Banyak-Banyak Langit Yang Pernah Saya Nampak Kan, Langit di Tambunan Juga Bah Yang Paling Cantik
Arfan Daniyal bin Antones
43 x 60 cm
Akrilik

BAHAGIAN PEDALAMAN ATAS



Unduk Ngadau Tambunan
Amanda Freya Javier Leo
43 x 60 cm
Akrilik



Tambunan Kilang Penyanyi
Roxanne Joyelle Reynold
43 x 60 cm
Akrilik

Kategori B (13-17 tahun)



Pinisi Do Keningau, Rona Tradisi
Athira Amani bt Basni@Basni
59.4 x 42 cm
Media campuran



Cuti Sekolah Menanam Padi
Muhd Anees Isyraf b. Undi
42 x 59.4 cm
Marker akrilik



The Hands That Feed
Nur Nadhirah bt Shahbudih
80 x 47 cm
Media campuran



Benang Disusun, Warisan Tradisi
Ezra Racquell Ricky
59.4 x 42 cm
Benang & kain aida

Kategori C (Terbuka)



Misteri Greg: Segelas Air Bah
Juanita bt Anthony Kingan
122 x 183 cm
Media campuran



Tombiruo: Suara Alam
Roger Godfrey
170 x 93 cm
Media campuran



Minamasi
Jacyntia Janet Jasne
148.2 x 104.5 cm
Kertas



Sumasangod: Mengavau Vol.2-The Veil of Vengeance
Cshahyrull Ronny J. Matimbun
96 x 125 cm
Cat minyak

BAHAGIAN PANTAI BARAT UTARA

Kategori A (7-12 tahun)



Main Lumpur Di Sawah
Clever Opori Jamin
62 x 62 cm
Cat akrilik atas papan



Corak Linangkit
Fyass Elaz
62 x 100 cm
Cat akrilik atas papan



**Bosok Borneo,
Tindal Kudat**
(The Spirit Of Borneo,
The Land Of Kudat)
Cello Josephine Henry
62 x 93 cm
Pen marker atas papan



Ngogo Semio
(Pergi Ke Tamu Kota Belud)
Nurelly Ramadhani Binti Khamis
62 x 82 cm
Cat akrilik atas kanvas



Cracked Promise
Evinossa
122 x 91 cm
Arang atas kertas



**Kami Gotong Royong
Bilang Si Mama**
Deantent Lustin
120 x 60 cm
Cat akrilik atas papan



**Kerja Bersama, Hormat
Pada Yang Sudah Pergi**
Aelsa Suzenna Andywelsh
42 x 60 cm
Akrilik atas kertas



Warisan Yang Dititipkan
Dayang Sofia Nurzahira binti Usuan
42 x 59.4 cm
Akrilik dan benang atas kanvas



**Warisan Kasih Nenek
Moyang (Kraf Dalai)**
Ian Andreas Petrus
42 x 59 cm
Buah dalai atas kanvas



**Rombituon Tadau:
Posik Kou! Mibok Mongoi**
CT. Subkhatul Khusnah Binti Ichsan
96 x 122 cm
Polisterin dan cebisan kain perca



Pahlawan Murut
Adriel Eyonell John
62 x 62 cm
Cat akrilik atas papan

Kategori B (13-17 tahun)



Mitatabang Tokou Morobuat
Freddy Febian
50 x 70 cm
Cat akrilik atas kanvas



Social Ritual
Eva Natasha Vincent
60 x 60 cm
Cat akrilik atas kanvas

Kategori C (Terbuka)



**Kinsalan Bulan
Om I Mata-ari**
Hernita Binti Balanga
92 x 122 cm
Cat akrilik atas kanvas



**Warisan Seni Kraf Daun
Jagung Dusun Tobilung**
Shinee Arkhtasia binti
Mollisong@Indrian
50 x 60 cm
Cat akrilik atas kanvas



**Dari Ladang Ke Gerai,
Warisan Marudu Abadi**
Eirene Fong Chung Yen
49 x 61 cm
Cat poster dan pensel warna



**Budaya Moginakan
Suku Ku, Sonsogon**
Cherryen Jenson
60 x 80 cm
Cat akrilik & marker akrilik atas kanvas



Mitos Bukit Tindian
Juil Kumpit @ Sundu Sunduan
76 x 106 cm
Akrilik atas kanvas

Ahli JAWATANKUASA



Penaung
**TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH**

Penasihat
**YANG BERTHORMAT
DATUK JAFRY BIN ARIFFIN**
Menteri Pelancongan, Kebudayaan
dan Alam Sekitar Sabah

Pengerusi
**YANG BERUSAHA
TUAN MACKEY APISON**
Pengurus Besar,
Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Ketua Pelaksana Program
PUAN SARA ELISYA AHMAD SHAH
Pengarah, Balai Seni Lukis Sabah

Setiausaha
PUAN EVA ANANI BAGGAI
Balai Seni Lukis Sabah

Kurator Pameran
PUAN INTAN MUNIRAH HAMZAH
Balai Seni Lukis Sabah

Bendahari
PUAN NAZIHAN HASAN
Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

Ahli-Ahli

✦ **SETIAUSAHA TETAP**
Kementerian Pelancongan, Kebudayaan
dan Alam Sekitar Sabah

✦ **SETIAUSAHA TETAP**
Kementerian Pembangunan Belia,
Kemajuan Sukan dan Ekonomi Kreatif

✦ **SETIAUSAHA SULIT KEPADA
TUAN YANG TERUTAMA**
Istana Seri Kinabalu

✦ **KETUA PENOLONG SETIAUSAHA**
Bahagian Pengurusan dan Kewangan,
JKM

✦ **PENGARAH**
Bahagian Istiadat dan Protokol,
JKM

✦ **PESURUHJAYA POLIS SABAH**
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Kontinjen Sabah

✦ **PENGARAH**
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri

✦ **PENGARAH**
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah

✦ **PENGARAH**
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

✦ **PENGARAH**
Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah

✦ **PENGARAH**
Jabatan Penerangan Malaysia Sabah

✦ **PENGARAH**
Jabatan Kerja Raya

✦ **KETUA JABATAN PENGURUSAN
PANCARAGAM POLIS DIRAJA
MALAYSIA**
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Kontinjen Sabah

Urus Setia

✦ **LEMBAGA KEBUDAYAAN
NEGERI SABAH**

- Encik Hairul Aris
- Encik Sony Jaya
- Encik Soffriezan Yahya
- Encik Azlan Makim
- Encik Fazli Ahmad
- Encik Muhtar Umang
- Puan Maznah Gagah

Urus Setia

✦ **BALAI SENI LUKIS SABAH**

- Puan Siti Aminah Roslan
- Puan Zunairah Abdul Malik
- Puan Rosnie Veronica Sabung
- Encik Ahmad Sharil Salleh
- Puan Renee Joseph
- Puan Dee Dee Samara Niun
- Encik Medi Lambahid
- Encik Joas Tumuuh
- Puan Norsarina Jamateh
- Encik Jainin Pedin
- Encik Arthur E. Ryders
- Puan Melania Juli @ Chindon
- Puan Zubitah Areh
- Puan Angely Fredolis
- Puan Siti Norazwani Norsehan
- Encik Muhammad Zulfiqar Jabir
- Encik Mohd Hilmi Yunus
- Encik Muhammad Azmiezal Azrin Azman
- Encik Bazyl Bee Baszley Bee
- Encik Asru Lakmal Wali

Sanjungan BUDI

**Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Majlis Perasmian Pameran
dan Penyampaian Hadiah Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah Ke-40**
sempena Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-75
Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah Tahun 2026.

Jawatankuasa Induk Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Rasmi Yang Ke-75 Tuan Yang
Terutama dan Balai Seni Lukis Sabah, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah
mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

kepada

Kementerian Pembangunan Belia, Kemajuan Sukan dan Ekonomi Kreatif,
Istana Seri Kinabalu,
Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Jabatan Ketua Menteri,
Bahagian Istiadat dan Protoko, Jabatan Ketua Menteri,
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Kontinjen Sabah,
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri,
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah,
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah,
Jabatan Penyiaran Malaysia Sabah,
Jabatan Penerangan Malaysia Sabah,
Jabatan Kerja Raya,
Jabatan Pengurusan Pancaragam Polis Diraja Malaysia,
Para Pengetua, Guru Besar dan Para Guru Seni Visual,
Sekolah-Sekolah, semua Akhbar-Akhbar dan Media Massa Tempatan,
Para Peserta dalam Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah Ke-40
dan
Semua yang terlibat dalam membantu dan memberi kerjasama untuk
menyelenggara dan menjayakan



**MAJLIS PERASMIAN PAMERAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH
KARYA PILIHAN TAHUNAN NEGERI SABAH KE-40**

sempena

**SAMBUTAN ULANG TAHUN KELAHIRAN RASMI YANG KE-75
TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH
TAHUN 2026**

KPTNS

**KARYA PILIHAN TAHUNAN
NEGERI SABAH KE-40**

JUBLI DELIMA: EMPAT DEKAD LEGASI

✦

Dirgahayu
TUAN YANG TERUTAMA

✦



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR SABAH



LEMBAGA KEBUDAYAAN
NEGERI SABAH



BALAI SENI LUKIS SABAH